



PERJUANGAN . SOLIDARITI . SOSIALISME

KETIDAKSTABILAN PERANG DAN EKONOMI MENGANCAM KEHIDUPAN KELAS PEKERJA

PEKERJA PERLU BERSATU DAN BINA KUASA POLITIK PENENTANGAN

Pergolakan di Timur Tengah, khususnya perang yang sedang berlaku antara Iran dan AS serta sekutunya Israel adalah titik perubahan yang signifikan buat geopolitik dunia dan semestinya, bakal memberi impak yang besar kepada keadaan sosial dan juga ekonomi di seluruh dunia, termasuklah Malaysia.

Ketika ini, kesan langsung masih belum terasa, namun tanda-tanda krisis sudah mulai ketara dengan penularan berita mengenai risiko kehabisan simpanan minyak di negara-negara tertentu. Misalnya lebih 400 stesen minyak di Filipina telah ditutup baru-baru ini, manakala kerajaan dari negara-negara yang berbeza mula mengalakkan kerja dari rumah serta melepaskan simpanan petroleum secara bertahap.

Pada 23hb Mac yang lepas, syarikat pengeksport minyak Saudi Aramco, yang merupakan syarikat minyak nasional milik kerajaan Arab Saudi dan antara salah sebuah pengeluar minyak terbesar di dunia telah mengurangkan bekalan minyak ke rantau Asia pada bulan April, berikutan konflik geopolitik yang mengakibatkan penutupan Selat Hormuz.

Impak daripada penutupan selat ini, sebahagian besar daripada industri baja pasaran global akan lumpuh dan dijangka akan menjejaskan hasil tanaman sedia ada. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah memberi amaran bahawa perang yang berpanjangan ini akan mengakibatkan puluhan juta rakyat akan terjerumus kepada krisis kebuluran yang ekstrim di seluruh dunia.

Walaupun Bank Negara Malaysia menegaskan bahawa ekonomi negara semakin kukuh, hakikatnya manfaat tersebut gagal dirasakan oleh kelas pekerja dan rakyat miskin. Petunjuk seperti penguku-

han nilai mata wang dan kadar pengangguran yang rendah tidak mencerminkan realiti kehidupan kelas pekerja dan rakyat miskin. Tanpa gerakan kolektif yang tersusun untuk mempertahankan kepentingan mereka, majoriti akan terus menanggung kemerosotan taraf hidup.

Dalam keadaan ini, kenaikan kos sara hidup yang sedia berlaku dijangka berterusan, khususnya akibat konflik geopolitik semasa. Pertumbuhan ekonomi kapitalisme tidak lagi berupaya membawa kemajuan pada masyarakat umum malah menjadi penyebab kepada perang, kemusnahan infrastruktur dan alam sekitar, kemiskinan serta kebuluran, dan penindasan terhadap wanita.

Segala usaha penyatuan massa juga ditegah melalui pelbagai sekatan seperti penghapusan hak-hak demokratik kelas pekerja secara sistemik — misalnya *union busting*, dan dalam sesetengah negara, kerajaan bersifat militeristik. Begitu lah sifat kapitalis yang sanggup melakukan apa saja demi mempertahankan kedudukan status dan kekayaan.

Badai krisis kapitalisme global yang semakin menekan ekonomi dan kehidupan sosial tempatan hanya dapat dihadapi melalui kepimpinan politik yang berasaskan perjuangan kelas pekerja, serta komitmen untuk membina solidariti kelas pekerja yang maksimum dalam menentang agenda kapitalis imperialis.

Oleh itu, ini masanya kita membina kuasa kelas pekerja melalui pembinaan kesatuan yang militan di tempat kerja dan bersatu antara semua sektor — membawa tuntutan politik dengan tujuan pembinaan sebuah masyarakat baru yang dipimpin kelas pekerja iaitu demokratik sosialisme. ■



Gambar: Capitalism Devours Everything - Dmitry Stakhievich Moor

SIDANG PENGARANG | KEBEBASAN PEKERJA BERKESATUAN TERBATAS m/s 1

ANALISIS POLITIK | PROTES PETANI DI HADAPAN PARLIMEN m/s 2
BERITA PEKERJA | 700 RIBU PEKERJA MENGHADAPI RISIKO PEMBUANGAN m/s 7
ANALISIS ANAK MUDA | PROTES KESATUAN MAHASISWA DI UM m/s 11

Antara tahun 2015 hingga 2025, AKESUMA telah menerima 246 kes *union busting*. Ini harus dianggap sebagai sesuatu yang amat merisaukan bagi seluruh kelas pekerja. Kesatuan adalah platform perjuangan pekerja yang dapat menghimpunkan perjuangan pekerja secara kolektif dan dapat memayungi pekerja apabila ditimpa kesusahan.

Dukacitanya, *union busting* di Malaysia bukan satu berita baru bagi kelas pekerja di Malaysia. Pada tahun 2015, pihak Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) pernah menghantar memorandum menuntut pihak kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap *union busting*.

Pada waktu itu, fenomena *union busting* di Malaysia dapat dilihat dengan jelas melalui kes-kes besar yang melibatkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat swasta utama seperti KTMB, MAS, DRB HICOM, RENESAS, Utusan Melayu, Westport dan Ansell.

Tindakan seperti piket aman, pengeluaran kenyataan media, penyerahan memorandum kepada calon pilihan raya, bahkan perbincangan dalam kumpulan tertutup kesatuan juga telah dijadikan alasan untuk memecat pemimpin kesatuan dan ahli pekerja dalam jumlah ratusan jika dikumpulkan kesemuanya.

Hari ini rentak yang hampir sama dapat dilihat, misalnya kes Boeing Composites Malaysia NUTEAIW di Bukit Kayu Hitam, walaupun berjaya memenangi undi pengiktirafan kesatuan dengan majoriti besar iaitu lebih 80% tetapi syarikat tetap mencabar pengiktirafan kesatuan di Mahkamah Tinggi.

Manakala syarikat Flextronics Penang, pekerja yang diwakili oleh Electronics Industry Employees' Union Northern Region (EIEUNR) melaporan kempen anti-kesatuan yang agresif seperti kehilangan faedah elaun pekerja, halangan akses kepada pekerja untuk mengundi dan gangguan semasa proses pengundian telah dilaporkan.

Dalam kes XSD International Paper pula, kesatuan PPPMEU mendedahkan 20 pemimpin kesatuan yang berjuang telah dipecat selepas kesatuan memenangi undian pengiktirafan dengan alasan keuntungan syarikat merosot.

Lebih mendukacitakan lagi

Kebebasan pekerja berkesatuan sekerja terbatas! 246 aduan *union busting*

Pekerja bina kuasa politik anti kapitalis!

oleh Sidang Pengarang



union busting bukan saja berlaku antara syarikat dan kesatuan, pihak kerajaan juga berkomplot untuk melemahkan kuasa kolektif dalam kesatuan secara sistemik.

Menurut laporan baru-baru ini, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim dituduh campur tangan dalam proses rundingan antara kesatuan pekerja dan majikan berhubung pembayaran bonus perayaan (*festive aid*) bagi pekerja bank – memangsakan lebih 15,000 pekerja bank.

Tindakan campur tangan ini telah dirujuk ke Mahkamah Tinggi, dan mendapati Steven Sim melanggar prinsip dan objektif Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Lebih besar lagi, isu pekerja dalam ekonomi gig yang berjumlah lebih 3 juta dan keban-

yakannya anak muda, sehingga kini kerajaan masih enggan untuk mengiktiraf mereka sebagai pekerja yang dilindungi di bawah Akta Buruh 1955 — secara sistemik mencairkan kuasa kolektif kelas pekerja untuk menuntut hak-hak demokratik seperti gaji minimum dan menyekat kemampuan pekerja untuk membina kesatuan.

Bagi kami, Solidariti Pekerja dan Sosialis Alternatif, perjuangan mempertahankan kesatuan sekerja adalah perjuangan yang mustahak, terutama dalam era krisis kapitalisme global pada waktu ini yang sedang menyaksikan hak-hak pekerja yang pernah dimenangi oleh perjuangan pekerja terdahulu sedang terhakis melalui pelbagai kaedah birokra-

tik.

Dalam sistem ekonomi kapitalisme, bersama kerajaan yang menjadi alat untuk mengurus dan menstabilkan sistem ini, penyatuan kelas pekerja untuk menuntut hak — lebih-lebih lagi pembinaan platform perjuangan pekerja sebenarnya, merupakan satu kontradiksi besar terhadap sistem kapitalisme.

Ini disebabkan sifat sistem kapitalisme itu sendiri yang berasaskan pemusatan harta serta kuasa di tangan kelas kapitalis. Manakala kesatuan sekerja yang berasaskan solidariti, tindakan kolektif, dan perjuangan bersama untuk taraf hidup kelas pekerja, adalah sesuatu yang bertentangan dari logik kelas kapitalis.

Ini menjelaskan mengapa tun-

tutan taraf hidup yang bermarah seperti gaji yang adil, perumahan awam dan perlindungan sosial seringkali tidak mencapai kehendak kelas pekerja, atau yang diberi hanya cukup makan.

Kelas kapitalis sedar bahawa sekiranya tuntutan kolektif pekerja dipenuhi tanpa sekatan, keyakinan dan kesedaran kelas pekerja akan meningkat, membuka ruang kepada perjuangan yang lebih luas terhadap sistem kapitalisme itu sendiri.

Oleh sebab itu, walaupun mereka mempunyai kemampuan ekonomi untuk memenuhi tuntutan pekerja dengan kekayaan yang mereka ada, kelas kapitalis akan sering memilih untuk menghadkan, melemahkan, atau menindas gerakan pekerja seperti kesatuan sekerja bagi memastikan dominasi mereka terus kekal.

Oleh itu strategi dan langkah kesatuan sekerja membantah *union busting* harus bersifat anti kapitalis. Persoalan menyatukan semua kesatuan sekerja dalam perjuangan dan perwakilan politik yang secukupnya dalam urusan tadbir kerajaan juga harus diangkat untuk menggantikan sistem kapitalisme kepada sistem yang mengutamakan kelas pekerja iaitu sosialisme — sistem yang dibina secara demokratik oleh kepimpinan kelas pekerja.

Ia dapat memastikan semak dan imbang hak-hak pekerja dapat dipertahankan seperti gaji minimum, servis kesihatan awam dan pengangkutan awam, adalah terjamin untuk semua masyarakat umum.

Demi membawa perjuangan ini ke hadapan, kepimpinan kesatuan harus membina parti pekerja yang demokratik untuk menyatukan semua kepimpinan dan tuntutan kelas pekerja dengan kesimpulan anti kapitalis dengan visi untuk sebuah kerajaan yang dipimpin oleh perwakilan kepimpinan kelas pekerja secukupnya dalam setiap sektor, sekaligus membina sebuah masyarakat baru yang lebih adil.

Union busting hanyalah satu agenda untuk menghancurkan sebarang kesedaran dan idea untuk sebuah masyarakat sosialis yang dipimpin oleh kelas pekerja. Kelas pekerja kuasa perubahan! ■

**BANTAH UNION BUSTING!
PEKERJA KUASA
PERUBAHAN**

Bina Parti Pekerja

Untuk perjuangan hak dan demokrasi pekerja dan anak muda

oleh Yuva Balan



Gambar: Sosialis Alternatif

Parti-parti politik yang ada tidak kira di pihak pemerintah atau pembangkang semakin tidak dipercayai oleh rakyat biasa akibat berbagai skandal, rasuah, serangan peribadi, pertarungan kuasa kepimpinan dan konflik dalaman parti.

Harapan untuk satu kerajaan alternatif yang telus dan berlandaskan kepentingan rakyat biasa semakin berkecai apabila politik Pakatan tidak banyak berbeza dengan politik BN.

Taraf hidup rakyat berpendapatan rendah dan menengah pula terus merosot dengan kenaikan harga barangan dan kos perkhidmatan serta pemotongan subsidi dan perbelanjaan awam.

Manakala sentimen perkauman dan agama terus dipermainkan untuk kepentingan politik elit. Ini mencerminkan ketidakmampuan politik parti-parti aliran utama yang berlandaskan kepada keperluan elit dan kapitalis, untuk membawa perubahan dalam kehidupan rakyat biasa.

Manakala, isu dan keperluan asas rakyat seperti gaji, peruma-

han selesa, kemudahan awam dan yang lain hanya dipergunakan untuk memancing undi dan meraih kekuasaan.

Politik sebenarnya bukanlah satu perkara yang kotor, tetapi ia telah dicemarkan oleh golongan elit politik untuk kepentingan kuasa dan kemewahan. Solidariti Pekerja tidak menyokong politik sebegini yang hanya memihak kepada segelintir jutawan dan menindas rakyat biasa.

Politik kelas pekerja dan rakyat biasa adalah berlandaskan kepada perjuangan untuk mendapatkan hak dan demokrasi untuk memaksimumkan keperluan rakyat dengan pengagihan kekayaan secara adil dan saksama dengan melibatkan rakyat biasa dalam menetapkan hala tuju ekonomi dan sosial negara.

Untuk membina politik kelas pekerja, satu parti massa pekerja harus dibina. Parti sebegini harus mendapatkan sokongan daripada anak muda, petani miskin, nelayan, orang asal, dan golongan tertindas yang lain untuk membina politik alternatif dalam negara

ini. Parti ini harus bebas daripada cengkaman politik elit dan kapitalis seperti yang dilandaskan oleh parti-parti aliran utama pemerintah dan pembangkang.

Parti ini juga perlu membina solidariti di kalangan rakyat biasa berbagai kaum, agama, bahasa, budaya dan jantina untuk melawan agenda 'pecah dan perintah' parti-parti politik aliran utama dengan program yang berasaskan keperluan dan hak rakyat biasa.

Pada masa yang sama, kepimpinan parti pekerja harus telus dan demokratik dengan sentiasa mendapatkan pandangan dan kritikan ahli dalam menggariskan serta membina hala tuju parti.

Solidariti Pekerja ingin membuka perbincangan dengan pekerja, anak muda, kesatuan sekerja, aktivis dan lain-lain untuk memperkembangkan idea pembinaan parti massa pekerja di negara ini. ■

**HUBUNGI KAMI UNTUK
MEMBINA PARTI PEKERJA
YANG DEMOKRATIK DAN
BERAKAR UMBI**

PRN Sabah 2025: Kerajaan Madani retak menanti belah

oleh Ilyas Husin



Gambar: Berita Harian

Keputusan Pilihan Raya Negeri (PRN) di Sabah pada hujung tahun 2025 merupakan kayu ukur kepada mandat politik yang diberikan kepada kepimpinan kerajaan Madani setakat ini. Buat pertama kalinya, pada 29 November yang lalu, keputusan pengundian untuk Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah tergantung tanpa majoriti mudah — tidak ada mana-mana parti politik berjaya memperoleh 37 kerusi untuk membentuk sebuah kerajaan negeri.

Koalisi Gabungan Rakyat Sabah (GRS) muncul sebagai blok tunggal terbesar dengan 29 kerusi (daripada 55 kerusi yang ditandingi), disusuli Warisan dengan 25

kerusi (daripada 73 kerusi yang ditandingi). Barisan Nasional kehilangan lapan kerusi daripada 14 kerusi pada 2020 kepada hanya 6 kerusi, daripada keseluruhan 45 kerusi yang ditandingi.

Tokoh-tokoh kuat Barisan Nasional seperti Salleh Said Keruak, Anifah Aman dan Pandikar Amin tewas di kawasan masing-masing, manakala Bung Mokhtar hanya menang tipis dengan majoriti 153 undi. UPKO mengekalkan 3 kerusi dan calon-calon bebas memenangi 5 kerusi.

Bagi parti dari Semenanjung, Pakatan Harapan dan Perikatan Nasional masing-masing hanya memenangi satu kerusi, manakala DAP disingkirkan sepenuhnya

dan gagal memenangi sebarang kerusi di kawasan yang ditandingi. Parti-parti dari Semenanjung, yang sebelum ini telah memegang 33 kerusi pada tahun 2020, telah kalah dan hanya tinggal sebanyak 8 kerusi pada tahun 2025.

Kerajaan negeri yang telah dibentuk ketika ini, yang dipimpin oleh blok GRS mempunyai kelebihan dalam mengemudi pembangunan negeri Sabah. Namun ianya adalah sebuah ilusi untuk meletakkan harapan kepada mereka.

Persoalan sama ada kerajaan ini akan memberi manfaat kepada kelas pekerja dan rakyat miskin di sana adalah sebuah persoalan yang tidak dapat diselesaikan,

selagi mana kepimpinan kerajaan masih lagi berpihak kepada golongan elit yang hanya mementingkan motif keuntungan semata-mata.

Penolakan parti-parti semenanjung ini tidak pula menunjukkan bagaimana parti elit dari Sabah merupakan sebuah kelompok politik yang bersatu, sebaliknya turut mendedahkan perbezaan berdasarkan kawasan-kawasan yang berlainan. GRS selaku blok tunggal berjaya mendapatkan majoriti di kawasan luar bandar yang lebih miskin dan tidak membangun, manakala parti Warisan pula berjaya mengukuhkan posisinya melalui rampasan kerusi dari DAP.

Penting juga untuk ditekan bagaimana GRS, yang terpalit dengan video skandal rasuah yang berhubungan dengan projek perlombongan tidak mendapat impak daripada skandal tersebut, sebaliknya individu-individu yang berkaitan dengan skandal tersebut, masih bertanding dan bahkan, majoritinya telah memenangi dan mengekalkan kerusi yang ditandingi mereka.

Kekalahan Barisan Nasional pada tahun 2018 telah membuka ruang yang lebih besar kepada elit-elit tempatan di Sabah untuk menjadi lebih berdikari dan berjaya mengukuhkan posisi mereka. Namun ternyata politik negeri masih lagi dipengaruhi oleh rundingan kuasa sesama blok elit dan bukannya berdasarkan program kelas pekerja dan rakyat miskin.

Ini bukan hanya tercermin melalui situasi di Sabah, tetapi juga turut terlihat di Sarawak melalui konsesi yang diberikan oleh Petronas kepada Petros dan pergelutan perundangan yang berhubungan rapat dengan perjanjian pembentukan negara Malaysia itu sendiri. Ini juga tidak bermakna perbalahan antara elit ini akan memberi apa-apa man-

faat kepada kelas pekerja dan rakyat miskin di Sabah mahupun Sarawak, melainkan hanyalah sebuah perebutan kekayaan antara mereka — dengan latar belakang krisis ekonomi ketika ini, telah mengurangkan habuan yang selama ini telah diperolehi dan dibolot sesama mereka.

Keputusan PRN di Sabah dan begitu juga, PRN yang akan datang di negeri-negeri lain seperti Melaka, Johor dan juga Sarawak dapat dilihat sebagai simptom kepada pergolakan sosial dan ekonomi yang lebih meluas.

Ianya akan mempengaruhi bagaimana kerajaan Madani akan mengatur langkah dan juga strategi kepimpinan sedia ada dalam memastikan bahawa kepimpinan kerajaan akan terus diperkukuhkan. Ia juga akan memberi keyakinan bagi pihak pembangkang yang akan melihatnya sebagai peluang bagi merampas semula kuasa di pihak persekutuan pada PRU yang akan diadakan kelak.

Sebuah pembinaan gerakan politik yang diwakili oleh perwakilan rakyat, membawa tuntutan penyatuan massa secara maksimum melalui program dan tuntutan yang berasaskan kelas pekerja dan anti kapitalisme — menjadi satu keperluan yang mustahak untuk negeri Sabah dan juga menjadi keperluan di peringkat nasional. Situasi kerajaan Madani yang retak menanti belah adalah disebabkan perebutan kuasa semata-mata untuk kepuasan kelas elit.

Sebuah parti pekerja massa yang mengangkat kepentingan kelas pekerja di Malaysia perlu dibina. Tanpa organisasi massa dan parti pekerja yang berdisiplin serta berakar dalam perjuangan sebenar, setiap krisis politik hanya akan berakhir dengan penyusunan semula kuasa antara elit — sementara kelas pekerja terus menanggung beban. ■

Januari yang lalu 200 individu terdiri daripada petani dan aktivis berkumpul di hadapan Parlimen untuk membantah pindaan UPOV 1991 (Kesatuan Antarabangsa untuk Perlindungan Varieti Tumbuhan Baru bertujuan untuk mengawal baka benih dan menyekat petani untuk berkongsi benih), dan menuntut reformasi penggredan padi agar harga lantai dinaikkan kepada RM1,800 bagi setiap tan metrik, memperbaiki pengagihan baja dan pengurusan sistem pengairan.

Protes turut menuntut pihak kerajaan segera membayar pampasan dan insurans bencana yang telah lama tertangguh.

Golongan petani, terutama golongan petani kecil sedang merasai taraf kehidupan semakin terhimpit disebabkan kenaikan kos sara hidup dengan harga harga makanan dan hasil tanaman yang semakin meningkat tetapi tidak tercermin dalam hasil pendapatan petani.

Di Sabah dan Sarawak pula, petani dan masyarakat sivil menuduh KPKM merancang pindaan Akta PVP (akta perlindungan baka benih baru) tanpa rundingan dengan komuniti pribumi dan petani kecil.

Walaupun pindaan tersebut memberi kesan langsung kepada undang-undang biodiversiti dan hak komuniti tempatan. Petani yang gagal mematuhi akta tersebut boleh dianggap sebagai satu jenayah.

UPOV yang berpangkalan di Geneva kononnya bertujuan melindungi hak pembiak benih

— yang dalam konteks hari ini merupakan syarikat multinasional. Tujuan yang dikatakan untuk melindungi 'hak' pembiak benih akhirnya melahirkan syarikat monopoli global seperti Bayer, Corteva, Syngenta (ChemChina), dan BASF.

Malah benih yang dihasilkan dari syarikat-syarikat monopoli ini hanya berkesan dengan menggunakan baja dan racun rumpai tertentu — hanya dari empat syarikat monopoli gergasi ini juga!

Pindaan kerajaan agar selari dengan UPOV 91, membolehkan syarikat-syarikat besar mendapat kawalan eksklusif ke atas pengeluaran, penjualan, dan pembiakan serta import dan eksport tumbuhan terpilih.

Dan apa yang lebih bercanggah lagi, pindaan akan melindungi 'biopiracy' iaitu pencurian atau perampasan sumber biodiversiti dan pengetahuan agrikultur komuniti. Ini bermaksud syarikat-syarikat benih multinasional dapat mengambil pengetahuan agrikultur tradisi tanpa perlu memberi balik pada komuniti asal yang memilikinya.

Kawalan terhadap harga pengeluaran makanan, sementara petani kecil dipaksa bergantung kepada benih komersial yang mahal — memerangkap petani kecil dalam situasi hutang dan sebahagiannya terjerumus ke dalam kemiskinan.

Benih komersial bagi sesetengah tanaman, seperti jagung RR, boleh menjadi sehingga sepuluh kali ganda lebih mahal bagi petani tempatan berbanding benih dari-

Petani membantah kuasa monopoli kapital di hadapan Parlimen

oleh Maru



Gambar: Sahabat Alam Malaysia

pada amalan perkongsian benih. Ini adalah satu kecurian sistemik, pada masa yang sama menghakis pengetahuan pertanian dan agrikultur tempatan yang telah diamalkan sejak dulu.

Protes yang dianjurkan dihadapan parlimen oleh petani dan

anak muda telah mendedahkan keperluan untuk menghakmikan rakyatkan sistem pertanian negara di bawah kawalan kelas pekerja secara demokratik.

Melalui kawalan di bawah kepimpinan kelas pekerja, produksi dan sistem pertanian dapat dibina

dengan tujuan keperluan umum bukan tujuan keuntungan.

Kami menyeru agar gerakan mengambil perspektif anti kapitalis dan bina jaringan solidariti kelas pekerja yang lebih luas dengan tuntutan seperti kos sara hidup yang bermaruah. ■

Akmal Saleh bukan perwakilan rakyat miskin dan massa

Bina alternatif menentang politik perkauman elit

oleh Fel



Gambar: Astro Awani

Januari yang lalu, Ketua Pemuda Umno, Akmal Saleh, mengumumkan perletakan jawatannya sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka bagi Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Keselamatan Makanan, sambil menegaskan akan terus berkhidmat sebagai Ketua

Pemuda UMNO. Menurutnya, ini adalah prinsip dan maruah UMNO, serta menghormati suara akar umbi.

Menurutnya lagi, tindakannya itu bukan bermaksud menyerah kalah. “Saya berani menyatakan saya letakan jawatan saya sebagai EXCO untuk lawan DAP habis-

habisan,” tambahnya.

Pengumuman ini mencuri perhatian media dan kritikan kerana serangannya terhadap DAP, ia dilihat sebagai lakonan untuk menarik perhatian akar umbi yang wajar berasa kecewa dengan kegagalan kerajaan Madani.

Apa yang telah terdedah ada-

lah UMNO sedang menghadapi krisis dalaman, dengan beberapa pemimpin termasuk Presiden parti, Ahmad Zahid Hamidi. Ini juga mendedahkan keputusan Akmal adalah keputusan peribadi yang tidak mencerminkan seluruh parti yang masih bekerjasama dengan Kerajaan Perpaduan. Namun, rayuan Akmal kepada suara akar umbi menunjukkan wujudnya kekosongan dalam kepimpinan politik Malaysia yang tidak mempunyai program politik kelas pekerja.

Akmal memperoleh perhatian kerana kritikan terbukanya terhadap kronisme, dan ahli politik bukan Islam yang dianggap tidak menghormati golongan Melayu dan agama Islam. Baru-baru ini, Akmal mengemukakan dua usul dalam konvensyen khas Pemuda UMNO.

Dia mencadangkan agar UMNO menyambung semula kerjasama dengan PAS dan meninggalkan kerajaan perpaduan untuk mengambil peranan sebagai pembangkang. Terdapat sokongan ahli Pemuda UMNO terhadap hujah yang disampaikan, dengan cubaan untuk membawa isu-isu rakyat ke dalam pidatonya, namun Akmal gagal memberikan kritikan yang paling asas iaitu tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat, isu gaji rendah serta pemotongan subsidi.

Strategi utama Akmal Salleh untuk kekal relevan adalah dengan memainkan sentimen perkauman dan keagamaan, sambil menggunakan Parti Tindakan Demokratik (DAP) sebagai musuh utama. Politik pecah-belah seperti ini perlu ditentang sepe-nuhnya.

Namun, Akmal bukanlah punca utama masalah. Beliau hanyalah simptom kepada sistem kapitalisme yang menumpukan kekayaan dan kuasa kepada segelintir elit. Dalam sistem ini, kronisme dan perebutan kuasa bukan sesuatu yang aneh, tetapi hasil semula jadi.

Demagog seperti Akmal Salleh yang menggunakan isu perkauman dan keagamaan hanya mengalihkan isu sebenar kelas pekerja dan rakyat miskin dari isu yang lebih besar iaitu isu ekonomi dan perwakilan politik yang dipilih secara demokratik di kalangan rakyat biasa sendiri.

Walaupun retoriknyaantang, agenda yang dibawa tidak memberi kuasa sebenar kepada pekerja — baik Melayu mahupun bukan Melayu. Pada waktu ini, tidak ada parti mahu gabungan parti politik — sama ada kerajaan Madani mahupun pembangkang — yang menawarkan program perjuangan yang jelas untuk kelas pekerja dan rakyat miskin.

Ketiadaan alternatif inilah yang membuka ruang kepada demagog elit seperti Akmal Salleh untuk mendendangkan kebencian antara kaum dan agama. Kelas pekerja dan rakyat miskin memerlukan perwakilan dan parti sendiri yang dapat menyatukan seluruh massa dalam perjuangan kuasa politik kelas pekerja.

Perjuangan ini bukan sekadar menentang beberapa individu politik, tetapi menentang struktur yang menghalang secara sistemik perwakilan dan politik kelas pekerja yang membawa tuntutan pembahagian ekonomi seperti gaji yang lebih adil dan struktur politik yang lebih demokratik. ■

Sosialis Alternatif (SA) Malaysia, CWI di Malaysia, telah mengadakan Mesyuarat Nasional dari 16 hingga 18 Januari di Pulau Pangkor, di luar pesisir Perak di Selat Melaka. Perbincangan melibatkan beberapa anak muda yang baru sertai sebagai ahli dan menandakan acara politik pertama mereka bersama SA.

Mesyuarat dibuka dengan perspektif antarabangsa yang dipimpin oleh Yuva dalam menganalisis perkembangan global dalam situasi era baru yang muncul daripada krisis kapitalisme yang berpanjangan. Perspektif ini menjadi asas kepada perbincangan seterusnya iaitu perspektif serantau Asia Tenggara, yang dipimpin oleh Kelvin, serta perspektif nasional Malaysia, yang dipimpin oleh Johan.

Sejak Perang Dunia Kedua, sistem kapitalisme global telah berkembang dan menghasilkan rantai bekalan yang sangat bersepadu dan pasaran yang saling bergantung — mengikat wilayah seperti Asia Tenggara kepada turunkan ekonomi dunia. Dalam sistem ini, ekonomi benua ini diserap sebagai tapak pembuatan kos rendah dan pengekstrakan sumber berorientasikan pasaran eksport yang didominasi oleh modal asing.

Hari ini, apabila kapitalisme memasuki krisis berpanjangan yang bercirikan kemelesetan ekonomi bagi kelas pekerja dan miskin melalui pemotongan perbelanjaan kerajaan dan kos sara hidup yang semakin meningkat, perang-perang proksi, persaingan geopolitik dan penyusunan semula blok-blok nasional dan multinasional. Rangkaian pengeluaran yang sama ini telah menjadi sumber kerentanan yang genting, mendedahkan ekonomi

kapitalisme serantau kepada krisis ekonomi global dan eksploitasi yang semakin intensif.

ASIA TENGGARA

Ketegangan kuasa-kuasa besar antara Amerika Syarikat dan China terutama berkaitan teknologi, laluan maritim, dan akses kepada sumber strategik, negara-negara ekonomi memban- gun semakin ditarik masuk ke dalam persaingan ini.

Misalnya tekanan daripada China yang semakin meningkat di Kepulauan Spratly, Filipina serta cabaran terhadap akses lautan dalam zon ekonomi eksklusif negara itu telah menimbulkan situasi gelisah di negara-negara serantau, memaksa kerajaan- kerajaan di seluruh Asia Tenggara untuk menilai semula keutamaan ekonomi dan politik mereka — perbelanjaan pertahanan dan penjajaran ketenteraan dan hubungan perdagangan nasional serta multinasional.

Persoalan-persoalan ini sama sekali bukan untuk kepentingan massa dan kelas pekerja, tetapi demi melindungi kepentingan segelintir elit borjuis nasional di bawah tekanan paksaan kuasa besar yang semakin meningkat.

Di Filipina, kerajaan telah meningkatkan perbelanjaan terhadap keselamatan maritim dan kerjasama kerajaan antara Amerika Syarikat telah semakin terbuka disebabkan konfrontasi berulang di Laut China Selatan, sekali gus mengalihkan sumber awam ke arah pertahanan sementara keperluan sosial terus menjadi persoalan yang terpinggir.

Tekanan geopolitik ini telah berinteraksi dengan krisis politik domestik, khususnya kemarahan rakyat terhadap rasuah dan pen-

Mesyuarat Nasional Sosialis Alternatif 2026 berlangsung dengan jayanya

oleh Sosialis Alternatif



Gambar: Sosialis Alternatif

yalahgunaan dana awam yang terdedah semasa bencana banjir besar tahun lalu. Hasilnya wujud peningkatan ketidakpuasan di kalangan rakyat Filipina yang dizahirkan melalui protes, mobilisasi akar umbi, serta aksi tindakan yang melibatkan kesatuan sekerja dan organisasi sosialis.

Manakala di Indonesia, kos sara hidup yang meningkat, skandal rasuah, dan pertumbuhan ekonomi yang tepu telah

mencetuskan siri-siri protes dan demonstrasi anti-kerajaan. Namun, kebangkitan massa ini kerap berdepan dengan penindasan, termasuk pengerasan tentera dan perluasan peranan ketenteraan dalam urusan-urusan sivil.

Di bawah pentadbiran Prabowo Subianto, ketergantungan untuk membendung kebangkitan massa kepada angkatan tentera dan bersenjata, mencerminkan bagaimana ketegangan

sosial yang semakin mendalam di bawah krisis kapitalisme diuruskan bukan melalui pembaharuan yang lebih progresif seperti yang sering diwar-warkan oleh para penyokong pasaran bebas dan liberal tetapi sifat sistem kapitalisme yang bersifat persaingan, pengumpulan harta dan kuasa, sedang menyaksikan kelas kapitalis menggunakan taktik autoritatif

bersambung ke mukasurat sebelah

sambungan dari mukasurat sebelum

untuk kekal relevan dan berkuasa apabila oleh rakyat biasa.

Sementara itu di Myanmar, perang saudara yang berpanjangan susulan rampasan kuasa oleh pihak tentera pada tahun 2021 telah berkembang menjadi konflik meluas melibatkan kumpulan bersenjata etnik dan krisis migrasi di Asia Tenggara. Di Thailand dan Filipina, hubungan antara krisis kapitalisme global dan defisit demokrasi bagi rakyat memperlihatkan rentak yang serupa.

Krisis politik di Thailand yang tercetus disebabkan sekatan mandat reformasi oleh kem politik monarki menunjukkan bagaimana negara yang berasaskan struktur ekonomi dan politik kapitalis mengambil langkah autoritarian apabila berdepan dengan kebangkitan sosial dan kemelesetan ekonomi.

MALAYSIA

Di Malaysia pula pertumbuhan pasca-pandemik yang kononnya dibanggakan sedang digugat oleh krisis yang mendalam kapitalisme dunia. Anggaran rasmi menunjukkan ekonomi terus berkembang secara sederhana pada tahun 2025 dengan pertumbuhan KDNK sekitar 4-5% — disokong oleh sektor perkhidmatan dan permintaan domestik.

Namun, pertumbuhan nominal ini menutupi realiti sebenar kelas pekerja yang sedang berhadapan dengan upah yang rendah dan kos sara hidup yang meningkat. Keadaan ini telah menyemarakkan kekecewaan rakyat ter-

hadap kerajaan Anwar Ibrahim, yang berkuasa atas janji reformasi tetapi melaksanakan langkah-langkah berteraskan penjimatan seperti cukai jualan dan perkhidmatan serta pemotongan subsidi yang meningkatkan beban ke atas rakyat biasa.

Pada Julai 2025, ribuan rakyat Malaysia berhimpun di Kuala Lumpur di bawah slogan "Turun Anwar" sebagai tindak balas terhadap peningkatan kos sara hidup dan kegagalan membawa tuntutan reformasi. Protes tersebut menandakan salah satu protes paling signifikan dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Pada masa yang sama, mobilisasi buruh juga semakin meningkat. Antaranya protes yang menyaksikan pelbagai kesatuan sekerja menentang union busting dan protes pekerja gig. Begitu juga NUBE (Kesatuan Kebangsaan Pekerja Bank), di mana tindakan piket dan perhimpunan Hari Pekerja telah mendapat sokongan yang semakin meluas dalam kalangan ahli kesatuan.

Dan walaupun gerakan-gerakan ini belum bergabung menjadi satu kebangkitan kelas pekerja yang berterusan dan bersatu, ia mencerminkan pergolakan sosial yang semakin meningkat dalam kalangan anak muda dan pekerja yang melihat kepimpinan politik semasa sebagai tidak mampu menangani isu rakyat, rasuah, dan kestabilan ekonomi.

Anwar Ibrahim semakin bergantung kepada kompromi elit untuk mengekalkan majoriti Parlimen yang rapuh. Ini kelihatan jelas melalui sikap ringan terha-

dap akauntabiliti pemimpin yang dikaitkan dengan rasuah.

Misalnya pengendalian kes-kes berkaitan IMDB yang melibatkan Najib Razak, serta kes penyelewengan oleh Timbalan Perdana Menteri Zahid Hamidi.

Ini mengukuhkan persepsi bahawa sistem perundangan masih tunduk kepada kepentingan politik dan bukannya kedaulatan undang-undang yang dijuarai oleh Anwar ketika sebelum menjadi PM.

Hakisan kredibiliti di peringkat pusat ini telah tercermin dalam reaksi pilihan raya di peringkat pinggir, paling ketara di Sabah, di mana corak pengundian peringkat negeri baru-baru ini menunjukkan penolakan terhadap gabungan persekutuan memihak kepada parti-parti nasionalis tempatan dan berteraskan wilayah. Ini menandakan kekecewaan bukan sahaja terhadap legasi UMNO tetapi juga terhadap kegagalan Pakatan Harapan untuk memutuskan secara tuntas daripada struktur kuasa lama.

ORGANISASI DAN ANAK MUDA

Mesyuarat nasional juga menilai perkembangan keseluruhan organisasi, termasuk pertumbuhan keanggotaan, penerbitan, kempen pekerja, dan pengukuhan dana dalam satu sesi yang dipimpin oleh Qira. Ini diikuti dengan sesi yang dipimpin oleh Zufar yang memberi fokus kepada pengukuhan politik bagi anak muda bagi tempoh akan datang. Sesi ini menekankan kepentingan mem-

bezakan antara radikalisme dan sekadar pemberontakan, *rebel* sebagai sebahagian daripada usaha membina sebuah organisasi yang berdisiplin dan berteraskan kader.

Perbincangan turut meneliti bagaimana tugas anak muda SA mampu memainkan peranan strategik dalam membina perjuangan kelas pekerja serta menghubungkan aktivisme mahasiswa dengan gerakan buruh dan penentangan sosial yang lebih luas.

Mesyuarat nasional yang diadakan dalam situasi krisis global yang semakin mendalam dan ketidakstabilan serantau, menandakan satu langkah penting bagi Sosialis Alternatif sebagai sebahagian daripada *Committee for a Workers' International*.

Krisis yang sedang berlaku di Malaysia dan Asia Tenggara menunjukkan bahawa tugas ke hadapan bukanlah penyesuaian reformis, tetapi perjuangan kelas pekerja yang tersusun ke arah kesimpulan sosialis demokratik.

Kini, lebih penting daripada sebelumnya untuk mengukuhkan dan mendidik secara politik lapisan anak muda dan pelajar yang semakin berkembang ke dalam perjuangan kelas yang bersifat revolusioner, serta memperkukuh kerjasama serantau di seluruh Asia Tenggara sebagai tindak balas terhadap kondisi kelas bersama yang dibentuk oleh kapitalisme global. ■

SERTA KAMI DALAM PEMBINAAN PERJUANGAN DEMOKRATIK SOSIALISME

Pilihan Raya PBT perlu dikembalikan dengan perwakilan penduduk yang mencukupi dan demokratik untuk rakyat biasa!

oleh Periyar



Gambar: FULCRUM

Kerajaan sedang mengkaji kebolehlaksanaan Pilihan Raya Datuk Bandar Kuala Lumpur. Cadangan ini mendapat sambutan yang baik sebagai langkah demokrasi tempatan, tetapi masih belum menyelesaikan persoalan asas. Siapakah sebenarnya yang menentukan masa depan bandar KL — rakyat atau pemaju hartanah?

Fungsi sebenar PBT Majlis tempatan amat dekat dengan kehidupan harian rakyat setempat. Seperti penyelenggaraan infrastruktur, pengurusan sisa pepejal, perancangan guna tanah, kelulusan pembangunan, perle-

senen perniagaan, penyediaan kemudahan awam serta pengurusan cukai pintu. Ertinya, PBT menentukan rupa dan arah pembangunan bandar.

Namun realitinya, kebanyakan keputusan perancangan bandar hari ini semakin jelas memihak kepada kepentingan pemaju hartanah besar. Di Malaysia, syarikat pemaju seperti MKH, IJM, GAMUDA dan Sunway sering terlibat dalam projek pembangunan berskala besar yang menaikkan nilai tanah dan keuntungan syarikat.

Kesan daripada logik pembangunan berasaskan keuntungan ini

dapat dilihat dalam banyak isu di bandar KL hari ini.

Contohnya projek pembinaan sebuah pasar raya besar berhampiran Hospital Ampang — yang mana kawasan tersebut sudah lama diketahui sebagai kawasan yang sesak. Namun, Majlis Perbandaran Ampang Jaya tetap meluluskan pembangunan hypermarket di tapak bekas parkir awam tanpa syarat tegas dan penyelesaian.

Masalah yang sama juga boleh dilihat dalam isu kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur dan bandar-bandar satelit di sekitarnya. Projek pembangunan per-

mahan dan komersial diluluskan tanpa perancangan kemudahan pengangkutan awam, parkir, taman awam dan kemudahan komuniti.

Sebelum tahun 1965, Malaysia mempunyai pilihan raya kerajaan tempatan. Penduduk bandar dan pekan boleh memilih ahli majlis tempatan mereka sendiri. Namun pada pertengahan 1960-an, pilihan raya PBT digantung atas alasan darurat dan keselamatan, sebelum dimansuhkan secara rasmi melalui Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Sejak itu, ahli majlis tempatan tidak lagi dipilih oleh rakyat.

Mereka dilantik oleh kerajaan negeri atau pusat.

Apabila majlis tempatan tidak lagi bertanggungjawab secara langsung kepada penduduk, perancangan bandar mula tunduk kepada tekanan politik dan kepentingan ekonomi golongan elit. Dalam keadaan ini, suara pemaju hartanah yang memiliki modal dan pengaruh lebih mudah didengari berbanding suara rakyat dan pekerja yang di bandar demi mata pencarian.

Di George Town, Pulau Penang, sejarah ini masih boleh dili-



DAPATKAN INFO
DAN ANALISIS
TERKINI DI SALURAN
WHATSAPP
SOSIALIS ALTERNATIF

Sosialis Alternatif berkempen untuk membawa satu perubahan sosialis di Malaysia dan antarabangsa di mana masyarakat akan diorganisasi secara demokratik untuk menampung keperluan sejagat dan bukannya berpaksaan kepada nafsu keuntungan segelintir kapitalis.

Kami pada ketika ini sedang melibatkan diri dalam kempen bagi meningkatkan penglibatan anak muda dan warga pekerja dalam pembinaan politik kelas pekerja sebagai alternatif kepada politik pro-kapitalisme yang dicanangkan oleh BN dan Pakatan.

Ini adalah sebagai landasan ke arah membentuk satu masyarakat berbilang kaum dan agama yang mampu berkongsi kekayaan dan pembangunan negara bersama secara demokratik serta memelihara alam sekitar untuk keharmonian dan kesejahteraan sejagat.

Anak muda dan kelas pekerja perlu bergabung dan meningkatkan perjuangan untuk membina alternatif kepada sistem kapitalisme.

Sosialis Alternatif juga berhasrat untuk membina solidariti antarabangsa di kalangan anak muda, kelas pekerja dan golongan tertindas yang lain melalui pembinaan sosialis Internasional.

**BERJUANG
BERSAMA-SAMA
KAMI.**

**SERTAIALAH
PEMBINAAN
PARTI PEKERJA.**

**SERTAIALAH
PERJUANGAN
SOSIALISME
DEMOKRATIK!**

bersambung ke mukasurat sebelah

sambungan dari mukasurat sebelum

hat di *People's Court*. Ia dibina apabila Parti Pekerja (*Labour Party*) memenangi pilihan raya majlis tempatan pada tahun 1959.

Ketika itu, George Town dikelilingi kampung-kampung dengan perumahan sesak, tidak selamat dan daif. Kerana ahli majlis dipilih oleh penduduk setempat, perumahan tidak dilihat sebagai komoditi untuk keuntungan. Majlis tempatan menggunakan dana bandar dan bekerjasama dengan

komuniti untuk membina perumahan awam bagi menyelesaikan krisis tersebut.

Bangunan seperti *People's Court* menjadi contoh bagaimana perancangan bandar boleh dilaksanakan untuk memenuhi keperluan rakyat, bukan keuntungan pemaju. Pengalaman ini menunjukkan bahawa apabila kuasa perancangan bandar berada di tangan rakyat, keputusan yang diambil juga akan mencerminkan keperluan rakyat. Dari perspektif sosialis, persoalan Pilihan Raya

Datuk Bandar atau Pilihan Raya PBT bukan sekadar isu prosedur demokrasi. Ia adalah persoalan kuasa perwakilan politik rakyat.

Selagi perancangan bandar dikawal oleh birokrasi yang tidak dipilih rakyat dan dipengaruhi oleh kepentingan modal, bandar akan terus dibangunkan untuk keuntungan pemaju, bukan untuk kesejahteraan penduduk.

Oleh itu, tuntutan untuk mengembalikan pilihan raya PBT harus dilihat sebagai tuntutan demokratik yang penting.

Ia adalah langkah peralihan yang boleh membuka ruang kepada rakyat pekerja untuk mencabar dominasi pemaju hartanah dalam menentukan masa depan bandar. Oleh itu, tuntutan untuk mengembalikan Pilihan Raya PBT bukan sekadar isu teknikal pentadbiran tempatan. Ia adalah tuntutan politik yang menyentuh persoalan asas demokrasi ekonomi dan kuasa rakyat. Jika bandar adalah tempat kita bekerja, tinggal dan membina kehidupan, maka rakyat pekerja mesti mem-

punyai kuasa untuk menentukan bagaimana bandar itu dirancang dan dibangunkan.

Bandar yang adil dan mesra rakyat tidak akan lahir daripada “niat baik” pemaju atau janji reformasi dari atas. Ia hanya boleh wujud apabila rakyat di peringkat akar umbi menuntut kembali kuasa untuk menentukan masa depan bandar mereka sendiri. ■

KELAS PEKERJA BINA KUASA POLITIK YANG MANDIRI

Krisis Parti Bersatu dan pergolakan dalaman di antara kelas elit

oleh Ilyas Husin



Gambar: Sinar Harian

Parti Pribumi Bersatu Malaysia kini memasuki fasa kritikal apabila pertembungan antara Presiden Muhyiddin Yassin dan bekas Timbalan Presiden Hamzah Zainuddin semakin terbuka, terutama selepas pemecatan besar-besaran faksi yang dipimpin Hamzah.

Situasi ini memberi impak signifikan terhadap hala tuju Perikatan Nasional (PN), dengan kepimpinan parti saling menyalahkan dan membuka pekung

masing-masing.

Seperti apa yang dilaporkan, ketegangan dan perbalahan secara terbuka ini telah berpunca daripada strategi politik yang berbeza. Tuduhan mulai dilemparkan dan kenyataan tindakan ‘pengkhianatan’ mulai tersebar luas ke dalam cabang-cabang parti tersebut.

Faksi dari pihak Hamzah Zainuddin seperti Wan Saiful Wan Jan dan Wan Ahmad Fasyhal, yang ketika itu sudah dikenakan tinda-

kan disiplin, di mana Wan Saiful telah dipecat manakala Wan Ahmad Fasyhal telah digantung, di dalam audio siar Keluar Sekejap, telah secara terbuka mengeluarkan kenyataan akan ketidakmampuan Muhyiddin Yassin dalam menerajui parti tersebut.

Ini disusuli dengan perletakan jawatan oleh kepimpinan faksi Muhyiddin di dalam Perikatan Nasional, sekaligus mendesak kepimpinan PAS, yang selama ini mulai dilihat mesra dengan faksi

Hamzah Zainuddin untuk menggalas tanggungjawab dan posisi sedia ada. Kesiapsediaan koalisi pembangkang untuk menghadapi PRU akan datang pasti akan memberikan cabaran terhadap posisinya.

Seperti di Perlis, dua parti tersebut masih mengkhianati sesama sendiri dalam perebutan kuasa. Ahmad Samsuri secara terang-terangan menyatakan bahawa Muhyiddin tidak akan menjadi calon Perdana Menteri.

Gabungan pembangkang Perikatan Nasional kini sedang menyusun semula lapisan kepimpinan sedia ada dan kali ini, yang mengemudi bahtera koalisi pembangkang adalah kepimpinan PAS itu sendiri dengan pemilihan Ahmad Samsuri Mokhtar, Menteri Besar Terengganu dari PAS, menunjukkan bagaimana PAS sendiri sedang menggunakan pendekatan dan strategi yang mengutamakan kepimpinan teknokrat dan bukannya ulama sebagai persediaan pilihanraya akan datang.

Ketidakstabilan ini mencerminkan keretakan dalam kelas penguasa yang bersaing antara satu sama lain untuk kepentingan faksi masing-masing di tengah krisis ekonomi yang semakin meruncing.

Di pihak kerajaan juga tiada jaminan kestabilan—sebaliknya, kerapuhan yang sama jelas keli-

hatan. Laporan mengenai ‘Langkah Bangkok’, melibatkan perbincangan antara faksi Hamzah dan UMNO di bawah Zahid Hamidi, serta cadangan kerjasama semula seperti Muafakat Nasional 2.0 oleh Akmal Saleh, menunjukkan percaturan kuasa dikalangan elit berterusan.

Dalam era kapitalisme yang semakin gagal memenuhi keperluan rakyat, khususnya di negara neo-kolonial seperti Malaysia, pertukaran kerajaan tidak membawa perubahan sebenar. Kepentingan yang diwakili tetap sama — bukan kepentingan kelas pekerja yang terus dihipit beban ekonomi.

Parti Bersatu sendiri lahir daripada perpecahan dalam UMNO, membawa retorik perjuangan bangsa Melayu ketika skandal rasuah semakin tidak dapat disembunyikan.

Sosialis Alternatif berhujah bahawa kelas pekerja dan rakyat biasa memerlukan perwakilan dan politik sendiri. Iaitu penubuhan sebuah parti pekerja massa yang benar-benar mewakili kepentingan majoriti.

Melalui dasar dan polisi yang berpaksikan keperluan pekerja, sebuah alternatif terhadap krisis ekonomi, politik dan sosial dapat dibina. Tiada lagi harapan kepada politik elit yang penuh dengan janji palsu dan korupsi. ■

Skandal SPRM dan Azam Baki

Masalah individu atau sistem?

oleh Ilyas Husin



Gambar: The Edge Malaysia

Skandal yang terpalit dengan Azam Baki bukanlah sebuah hal yang baharu, bahkan sebelum ini pada awal tahun 2022 telah didedahkan bagaimana Azam Baki memiliki jutaan unit saham yang melanggar peraturan pemilikan penjawat awam. Kegagalan pihak berkuasa untuk mengambil tindakan yang tegas telah mencestuskan reaksi protes jalan di Kuala Lumpur yang diberi nama #TangkapAzamBaki.

Tetapi penuh ironinya tentangan ini turut melibatkan Anwar Ibrahim dan sosok kepimpinan kerajaan Madani yang lain, yang ketika ini diam membisu, bahkan membela posisi Azam Baki daripada tuntutan perletakkan jawatan.

Ketika artikel ini ditulis, sudahpun tertubuhnya Sekretariat Turun Azam Baki yang akan mengadakan himpunan protes pada 25hb April akan datang.

Sekali lagi Ketua Pesuruhjaya SPRM, Azam Baki, terpalit dengan skandal yang didedahkan oleh Bloomberg. Perkara ini menimbulkan persoalan serius tentang integriti institusi anti-rasuah itu sendiri.

Namun, persoalan yang lebih besar perlu ditanya: adakah isu ini hanya melibatkan seorang individu, atau ia mencerminkan sebuah sistem yang membenarkan rasuah dan skandal berleluasa? Dan sejauh manakah reformasi institusi mampu benar-benar menyelesaikan masalah yang telah lama membelenggu negara kita?

Apa yang berlaku ini jelas

mendedahkan satu ketimpangan besar: sebuah agensi yang sepatutnya membanteras rasuah kini terpalit dengan skandal dalaman sendiri.

Percanggahan ini menunjukkan bahawa masalahnya bukan sekadar kegagalan individu, tetapi sesuatu yang lebih mendalam. Misalnya skandal besar IMDB, Felda dan Tabung Haji membuktikan bahawa rasuah sudah berakar luas dan sejak sekian lama. Oleh itu, menyelesaikan satu kes sahaja tidak mencukupi kerana ia tidak menyentuh punca sebenar masalah yang terus membelenggu sistem ini.

Salah satu tuntutan utama para aktivis yang memperjuangkan hal ini adalah dengan meletakkan agensi anti-rasuah ini di bawah kuasa Parlimen dan bukannya di bawah Jabatan Perdana Menteri, seperti mana ia diletakkan semenjak tertubuhnya Badan Pencegah Rasuah pada tahun 1959 lagi. Reformasi institusi ini, menurut mereka, akan dapat memastikan bagaimana segala siasatan jenayah rasuah tidak akan berhubungan dengan kepentingan politik dan tidak dapat diselewengkan demi kepentingan segelintir pihak.

Namun reformasi ini, jika tidak dihubungkan dengan soal percanggahan ekonomi kapitalisme itu sendiri, yang membenarkan penumpukan kekayaan yang ekstrim di pihak kapitalis dan kepimpinan poiltik yang korup, sementara kelas pekerja diperah dan dieksplotasi seterusnya,

maka ia tidak akan menghapuskan punca kepada rasuah dan skandal yang berleluasa ketika ini. Pelbagai analisis dan laporan mendedahkan bagaimana ketimpangan dan salah tadbir urus yang berpaksikan motif keuntungan untuk kelas kapitalis menjurus kepada skandal rasuah dan keborosan pentadbiran yang memakan duit rakyat berjumlah berbilion-bilion ringgit.

Azam Baki ketika ini telah dipanggil oleh pihak polis dan laporan siasatan telah diberikan kepada pihak kerajaan. Pada masa yang sama, Azam Baki pula telah menafikan hal ini, bahkan ingin mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak Bloomberg.

Ini menunjukkan bahawa Azam Baki tidak akan berdiam diri dan akan mengambil posisi yang lebih defensif dalam hal ini. Tuntutan untuk meletakkan jawatan dan juga siasatan dalaman semata-mata tidak memadai.

Sebuah jawatankuasa bebas yang terdiri daripada perwakilan dan penyertaan maksimum daripada kelas pekerja, organisasi kesatuan dan masyarakat sivil yang bebas sepenuhnya daripada campurtangan dan kawalan eksekutif dan elit politik perlu ditubuhkan segera.

Siasatan seperti ini mesti dijalankan secara terbuka, melalui akses penuh kepada dokumen-dokumen yang berkaitan dengan skandal. Tidak lagi siasatan sebegini hanya dibiarkan dan diurus-

bersambung ke mukasurat sebelah

sambungan dari mukasurat sebelum

kan oleh pihak yang mempunyai kepentingan yang tidak berpihak kepada kepentingan majoriti kelas pekerja.

Bahkan kami berhujah bahawa institusi dan apparatus kerajaan bukan hanya perlu dikawal selia dan dipantau di bawah parlimen semata-mata, namun perlu diletakkan di bawah kawalan pekerja secara demokratik bagi memastikan fungsi sebenar dalam membanteras rasuah itu tidak lagi dapat dimanipulasi, dan dipengaruhi oleh kepentingan kelas elit dan kelas kapitalis.

Ini bukan lagi soal member-sihkan institusi kerajaan untuk bebas daripada segala bentuk rasuah, tetapi soal pengambilalihan secara menyeluruh oleh kepimpinan kelas pekerja itu sendiri.

Begitu juga, gerakan protes yang berlangsung ketika ini perlu mengangkat tuntutan perubahan sistem dan pembentukan jawatankuasa bertindak di keseluruhan institusi kerajaan dan keseluruhan sektor ekonomi.

Perjuangan tuntutan reformasi ini perlu dihubungkan dengan perjuangan demokratik dan ekonomi yang lebih meluas. Ia mesti dihubungkan dengan usaha

pembinaan sebuah parti pekerja menjadi sebuah hal yang perlu bagi kelas pekerja, sebagai alat utama bagi pembinaan kuasa politik kelas pekerja yang demokratik, militan dan tersusun.

Perjuangan akar umbi dan demokratik dapat disatukan ke dalam satu strategi yang lebih jelas iaitu sebuah reformasi yang seadilnya dapat dibina dan dipertahankan di mana kekayaan sosial dikawal secara demokratik oleh kepimpinan kelas pekerja, dan pengeluaran produksi disusun berdasarkan keperluan, bukan keuntungan segelintir. ■



Gambar: Free Malaysia Today

Mengapa MySara, bukan peningkatan gaji minima?

oleh Fel



Gambar: Berita Online

Pada tahun 2024, perbelanjaan isi rumah purata mencecah RM5,566 sebulan — bersamaan 67% hingga 78% daripada pendapatan purata. Namun, separuh daripada isi rumah sebenarnya berpendapatan di bawah paras median iaitu sekitar RM5,900 ke RM6,300 — menjadikan tekanan kewangan jauh lebih berat daripada yang digambarkan oleh angka purata. Setelah mengambil kira cukai, simpanan, dan bayaran hutang, realiti sebenar adalah lebih membebankan.

Dalam masa yang sama, kos sara hidup terus meningkat, den-

gan Indeks Harga Pengguna (CPI) naik daripada 132.8 pada tahun 2024 kepada 135.7 pada Januari 2026 — menunjukkan kenaikan berterusan dalam harga barangan asas.

Keadaan ini diburukkan lagi oleh pasaran buruh yang rapuh. Kadar pengangguran dalam kalangan anak muda kekal tinggi pada sekitar 12.7%, manakala kira-kira 18% terpaksa bergantung kepada pekerjaan gig yang tidak stabil. Lebih membimbangkan, gaji minimum kebangsaan sebanyak RM1,700 masih jauh di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan

(RM2,705), menunjukkan bahawa bekerja sepenuh masa sekalipun tidak menjamin kehidupan yang mencukupi.

Dalam keadaan jurang yang semakin melebar ini, kerajaan MADANI masih belum menawarkan sebarang garis masa untuk kenaikan gaji yang bermakna, sebaliknya bergantung kepada subsidi bersasar untuk meredakan kemarahan rakyat — satu penyelesaian sementara yang langsung tidak menyentuh punca sebenar masalah pekerja.

Dengan menampung kos sara hidup yang meningkat, subsidi hanya menangguhkan keperluan mendesak untuk kenaikan gaji, dalam masa yang sama mengalihkan beban kos sara hidup kepada kelas pekerja dan rakyat miskin.

Belanjawan 2026 mensasarkan penjimatan RM15.5 bilion setahun melalui program subsidi, dan kerajaan melaporkan kadar penggunaan 82% bagi Sumbangan Asas Rahmah. Ini mendedahkan keperluan mendesak terhadap perubahan struktur agar berpihak kepada kelas pekerja yang telah selama ini menjana keuntungan untuk kelas kapitalis. Namun kerajaan sudah mula memotong kelayakan bagi beberapa skim subsidi, di samping menaikkan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) kepada 8% pada Julai 2025.

Gabungan peningkatan cukai dan perubahan subsidi menekan pengguna, sementara peruntukan subsidi yang besar menjejaskan pembiayaan sektor awam utama seperti pendidikan dan kesihatan. Pada masa yang sama, tiada jaminan kukuh bahawa GST tidak akan diperkenalkan semula, sekali lagi meningkatkan beban kos ke atas rakyat.

Pada awal 2026, harga minyak melonjak dengan mendadak. Kuota subsidi petrol BUDI95 disahkan turun daripada 300 liter kepada 200 liter mulai 1 April akibat ketegangan di Selat Hormuz. Anwar turut mendedahkan bahawa subsidi bahan api meningkat mendadak daripada RM700 juta kepada RM3.2 bilion, dan tidak lagi dapat dijamin dalam bulan-bulan akan datang.

Kenaikan harga diesel, makanan ternakan, dan baja yang melalui Selat Hormuz juga mengancam kestabilan harga makanan, minuman, dan barangan pengguna. Kos operasi dan logistik yang meningkat ini akan dipindahkan kepada keluarga yang sudah pun terbeban. Dengan jangkaan merosotnya pertumbuhan KDNK akibat kurangnya kuasa membeli, ini mengurangkan pungutan cukai dan memaksa kerajaan meningkatkan defisit — sekaligus menggugat subsidi yang menjadi keperluan asas kelas pekerja dan rakyat miskin.

Dalam keadaan krisis global dan tempatan, serta cadangan penyelesaian daripada pakar ekonomi yang sentiasa tunduk pada kepentingan korporat, hanya politik kelas pekerja menawarkan penyelesaian menyeluruh. Selagi hala tuju ekonomi dan pentadbiran politik mengutamakan pelaburan korporat, dasar dan keputusan akan sentiasa dibentuk demi menjaga keuntungan — bukan kelangsungan hidup kelas pekerja dan rakyat miskin. Tiada jumlah subsidi atau “bantuan bersasar” mampu mengubah situasi yang semakin tidak stabil ini terutama bagi generasi anak muda. Hanya kekuatan kolektif pekerja yang tersusun mampu melaksan-

akan pengagihan semula keuntungan ekonomi yang lebih adil melalui ekonomi yang dirancang secara demokratik oleh kepimpinan kelas pekerja sendiri.

Beban kerja dengan gaji rendah, jam kerja yang panjang, dan perlindungan minimum yang selama ini ditanggung oleh pekerja migran kini tidak lagi terhad kepada mereka sahaja. Keadaan tersebut semakin meluas dan mula menimpa keseluruhan kelas pekerja di Malaysia dan juga di peringkat global. Menurunkan standard hidup kelas pekerja secara menyeluruh.

Kini lebih daripada sebelumnya, gaji minimum RM20 sejam bukan lagi tuntutan radikal — ia garis asas untuk hidup. Keadilan gaji tidak boleh digantikan dengan subsidi. Ia mesti diperjuangkan melalui kekuatan pekerja yang memaksa pengagihan semula daripada keuntungan kepada upah. Subsidi mungkin mengurangkan beban sementara, tetapi hanya gaji hidup mampu menjamin kestabilan jangka panjang.

Kami menyeru perjuangan perlu digerakkan dengan pembinaan perjuangan yang tersusun seperti kesatuan yang demokratik dan berprinsipkan perjuangan kelas pekerja. Ini menjadi asas kepada pembentukan sebuah Parti Pekerja massa yang bersifat akar umbi, dan menyatukan semua pekerja di setiap sektor dan industri penting demi memperjuangkan kebebasan ekonomi dan kuasa politik kelas pekerja.

Hanya parti pekerja yang dapat membuka jalan untuk perjuangan kelas pekerja serta menjadi jentera yang memutuskan kawalan elit terhadap kuasa politik mereka. ■

Pekerja migran dikambing-hitamkan

Penghapusan subsidi minyak buat warga asing memangsakan semua kelas pekerja

oleh Kelvin Lai

Mulai 1 Mac, warga asing di seluruh Malaysia tidak dibenarkan lagi membeli minyak masak paket 1kg bersubsidi di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Menurut Anwar, ini bertujuan bagi memastikan subsidi hanya dinikmati oleh rakyat Malaysia dan tidak disalahguna.

Dengan perangkaan semula subsidi, harga minyak masak adalah sekitar RM2.50 sekilogram. Tanpanya, harga runcit mencec-

ah RM6 hingga RM9, bergantung kepada jenama dan turun naik harga minyak sawit. Ini bermakna kos bahan asas ini meningkat secara mendadak bagi pekerja asing.

Di Malaysia, terdapat lebih 2 juta pekerja migran, tidak termasuk 1.2 hingga 3.5 juta tanpa dokumen. Mereka antara lapisan pekerja paling miskin dan tertindas, bekerja dalam sektor yang sukar, kotor dan berbahaya. Wa-

laupun gaji minimum nasional ditetapkan pada RM1,700, gaji pekerja asing lazimnya lebih rendah dengan jam kerja yang panjang.

Keadaan ini berkait rapat dengan proses pengambilan pekerja migran yang sering menjerat pekerja dalam kitaran hutang sejak dari awal proses pengambilan kerja.

Ramai antara mereka terpaksa membayar yuran pengam-

bilan yang tinggi kepada ejen dan sindiket yang mencecah ribuan ringgit untuk mendapatkan pekerjaan. Untuk membayar yuran ini, mereka terpaksa berhutang di negara asal dengan kadar faedah yang tinggi.

Dalam keadaan terikat dengan hutang dan bergantung kepada majikan, pekerja sukar menuntut hak dan majikan sering mengambil kesempatan terhadap status mereka. Perampasan passport,

menyekat pekerja untuk keluar dari kawasan tempat kerja, dan menghantar pulang ke negara asal secara paksa menjadi amalan penindasan majikan yang sering didengar.

Ada juga kes di mana pekerja diberhentikan secara tiba-tiba tanpa bayaran gaji, atau dipaksa pulang ke negara asal sebelum sempat menuntut hak mereka.

bersambung ke mukasurat sebelah



Gambar: Ceritera

sambungan dari mukasurat sebelum

Dalam keadaan sebegini, ruang untuk melawan bagi mereka hampir tidak wujud.

Kerajaan pula menumpukan perhatian kepada isu “ketirisan”, dengan mendakwa subsidi disalahguna apabila pekerja asing membeli minyak masak bersubsidi atau apabila barangan tersebut diseludup dan dijual semula.

Ketua Pejabat AI Kebangsaan (NAIO), Shamsul Izhan Abdul Majid, mendedahkan bahawa 700,000 pekerja daripada 18 sektor utama pekerjaan akan mengalami krisis dalam percubaan kerajaan untuk menyesuaikan ekonomi negara dengan kemajuan teknologi AI. Dalam kenyataan yang sama, Shamsul Izhan Abdul Majid mengatakan Kementerian Digital melalui Pejabat AI Kebangsaan sedang memulakan inisiatif melatih pekerja yang berisiko untuk hilang pekerjaan dengan kemahiran baru untuk melengkapi kehendak pasaran buruh semasa.

Tetapi program ini tidak membawa sebarang jaminan untuk mendapat pekerjaan. Keadaan ini menyingkap sejarah gelembung dot-com pada tahun 2000 yang mengakibatkan kemelesetan ekonomi dengan kesan terhadap kelas pekerja yang kehilangan pekerjaan dalam jumlah jutaan.

Berdasarkan laporan pada Februari 2026, sebanyak 90% firma tidak mengalami peningkatan produktiviti melalui penggunaan AI. Tetapi dalam masa yang sama spekulasi hutang untuk memenuhi keperluan teknologi AI seperti OpenAI, Oracle dan Nvidia mencecah sehingga \$1.4 trilion (RM5.68 trilion) — satu gejala dalam sistem kapitalisme yang mana gelembung krisis dalam sistem kewangan seperti gelembung hutang perumahan adalah satu ciri dan gejala dalam sistem kapitalisme, yang kini lebih kompleks dan memerlukan solusi yang progresif dan radikal sebelum situasi lebih melarat.

Asasnya, bagi kelas kapitalis, teknologi berfungsi sebagai alat untuk meningkatkan produktiviti demi mengurangkan pergantungan kepada tenaga buruh; sekali gus membolehkan mereka menekan pembiayaan gaji serta meminimumkan kos kebajikan pekerja demi memaksimumkan keuntungan. Apa yang diperlukan bagi pekerja untuk menghadapi risiko pembuangan kerja adalah elaun sara hidup yang secukupnya sementara pekerja mendapat pekerjaan baru. Kendatipun pekerja tidak mahu lagi kembali

Sebagai antara pengeksport utama minyak sawit dunia, Malaysia memperoleh keuntungan besar daripada sektor ini setiap tahun, dengan nilai eksport mencecah puluhan bilion ringgit. Namun, keuntungan ini tidak diterjemahkan kepada harga yang lebih rendah untuk rakyat.

Sebaliknya, harga minyak tempatan terus dipengaruhi oleh pasaran global. Kepentingan

bekerja, ini seharusnya pilihan individu dalam sistem ekonomi yang sudah cukup mampu untuk menanggung populasi jika sumber dirancang seadilnya.

Media kapitalis menggembar-gemburkan teknologi baharu ini sebagai penyelesaian kepada isu-isu masyarakat. Janji peluang pekerjaan yang lebih luas, sistem penjagaan kesihatan yang dipertingkatkan dan pencegahan kemusnahan infrastruktur dan keselamatan terhadap bencana alam.

Tetapi apa yang kita lihat krisis kesihatan kekal berterusan walaupun pandemik COVID 19 telah berakhir. Malah projek-projek pembangunan infrastruktur AI itu sendiri yang sedang menyebabkan kemusnahan alam sekitar. Dalam sistem kapitalisme hari ini yang dilanda krisis sosial, pengguna digital lebih mudah terpengaruh dengan imej dan video yang dimanipulasi, hingga sukar membezakan antara realiti dan yang palsu.

Teknologi seperti teknologi hijau dan AI yang dibangunkan oleh kelas kapitalis tidak terpisah dari tujuan untuk mengaut keuntungan daripada kelas pekerja. Kesan pembuangan kerja, penghakisan hak-hak demokrasi dengan idea seperti ‘independent contractor’ bagi pekerja gig untuk menghapuskan kos syarikat menanggung faedah seperti PERKESO, kemusnahan alam sekitar, krisis sosial dan ekonomi — memerlukan solusi untuk menghapuskan sistem kapitalisme agar kemajuan teknologi dapat dinikmati dan dimajukan untuk tujuan semua

Bagi kami sosialis segala yang berkaitan pembangunan teknologi negara seperti infrastruktur dan pengetahuan teknologi harus dikawal oleh kepimpinan kelas pekerja secara demokratik, juga keperluan untuk membina kuasa politik pekerja untuk membawa solusi yang lebih menyeluruh dalam menempuhi era baru dengan pembangunan teknologi AI.

■
AYUH BINA PERJUANGAN
DEMOKRATIK SOSIALISME!
KELAS PEKERJA KUASA
PERUBAHAN!

pekerja tempatan dan pekerja asing sebenarnya saling berkait.

Namun, dalam keadaan krisis kapitalisme, majikan dan kerajaan sering menggunakan alasan kos operasi syarikat meningkat atau margin semakin kecil untuk mengelakkan tanggungjawab, sambil mengalihkan beban kepada pekerja.

Dan sebarang langkah seperti penghapusan subsidi bagi pekerja

asing dipersembahkan sebagai melindungi pekerja tempatan, ini mengakibatkan pecah belah antara kelas pekerja.

Apa yang jelas, masalah yang dihadapi hari ini bukan berpunca daripada mana golongan pekerja sama ada tempatan mahupun migran, tetapi daripada kerajaan yang mementingkan ‘kesihatan’ sistem kapitalisme yang hanya mengutamakan segelintir elit.

Oleh itu, jalan ke hadapan bukanlah persaingan sesama pekerja, tetapi solidariti kelas pekerja menentang majikan dan struktur kapitalis yang melahirkan eksploitasi, kebencian dan perpecahan antara pekerja.

Bina penyatuan solidariti kelas pekerja yang maksimum dan bina kuasa politik kelas pekerja membantah agenda kapitalis! ■

Hampir 700,000 pekerja berdepan risiko kehilangan pekerjaan akibat digitalisasi, AI dan ekonomi hijau

oleh Marcus



Gambar: IT Talent

PENERBITAN SOLIDARITI PEKERJA



Melalui Penerbitan Solidariti Pekerja, kami di Sosialis Alternatif menyajikan karya-karya yang terlahir dari keperluan yang mendesak bagi memperjelaskan apa yang kami perjuangkan, dan apa yang mesti dibangunkan demi mengukuhkan politik pekerja yang berkuasa dengan diri sendirinya. Akhbar, risalah, buku, dan setiap terbitan kami tidak bertujuan menyampaikan maklumat semata-mata, tetapi dengan matlamat untuk menjadi cahaya yang menerangi jalan pembebasan kelas pekerja, mengukuhkan pemahaman akan cita-cita sosialisme serta jalan dan strategi untuk mencapainya. Antara keseimbangan teori dan amalan, terletaknya bimbingan ke arah sosialisme. Setiap ringgit yang diterima daripada jualan digunakan oleh kami untuk membangunkan gerakan pekerja untuk mengambil alih kuasa secara demokratik.



Tempah mana-mana terbitan kami melalui borang pesanan kami yang boleh diimbas melalui kod QR disebelah. Selamat melayari!

Laporan BERNAMA mendedahkan baru-baru ini seramai 50 individu terkaya di Malaysia telah melonjak kekayaan sebanyak 30 peratus kepada AS\$116 bilion (RM458.2 bilion) pada tahun 2026 – meningkat daripada AS\$90 bilion (RM355.5 bilion) setahun sebelumnya.

Individu terkaya di Malaysia, Robert Kuok, yang berumur 102 tahun, mengekalkan kedudukan teratas dengan kekayaan yang meningkat 19 peratus kepada AS\$13.6 bilion, diikuti oleh Koon Poh Keong dan adik-beradiknya dari Press Metal Aluminium Holdings, yang nilai kekayaan bersih mereka melonjak 80 peratus kepada AS\$9.7 bilion.

Sementara itu, adik-beradik Lee Yeow Chor dan Lee Yeow Seng dari IOI Group naik tiga anak tangga ke tempat ketiga dengan nilai kekayaan bersih sebanyak AS\$8.5 bilion. Dalam satu kenyataan, Forbes Asia berkata keuntungan tersebut didorong oleh pertumbuhan ekonomi Malaysia sebanyak 5.2 peratus pada tahun 2025. Lee Thiam Wah, pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif 99 Speed Mart Retail Holdings, melihat kekayaannya meningkat

Pada 14 November 2025, pekerja dan wakil kesatuan sekerja telah berkumpul di luar bangunan Parlimen Malaysia di Kuala Lumpur untuk memprotes tindakan *union busting* oleh syarikat dan pihak kerajaan yang bersubahat dengan majikan.

Protes telah dianjurkan oleh kesatuan PPPMEU (Kesatuan Pekerja-Pekerja Pembuatan Kertas dan Produk Kertas), kesatuan EIEUNR (Kesatuan Sekerja Industri Elektronik Wilayah Utara), kesatuan NUTEAIW (Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Perusahaan Alat-Alat Pengangkutan dan Sekutu), kesatuan EIEUSR (Kesatuan Sekerja Industri Elektronik Wilayah Selatan) dan Pertubuhan IndustriALL Malaysia

Pemimpin kesatuan telah menyerahkan memorandum kepada setiausaha Menteri Sumber Manusia, Kelvin Yii, yang menggesa tindakan kerajaan terhadap majikan yang menggugat organisasi kesatuan. Demonstrasi tersebut berlangsung secara aman, namun ia menonjolkan kemarahan dan kekecewaan dalam kalangan pekerja terhadap usaha berterusan majikan untuk menyekat penganjuran kesatuan dan usaha kerajaan yang lemah dalam membawa majikan ke muka pengadilan.

Memorandum yang diserahkan menggariskan empat tuntutan utama:

1. Menubuhkan pasukan petugas peringkat tinggi untuk menyiasat semua kes pemusnahan kesatuan.
2. menguatkuasakan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan mendakwa majikan yang terlibat dalam pemusnahan kesatuan.
3. Mereformasi undang-undang dan peraturan bagi menyekat majikan daripada

50 individu terkaya Malaysia catat keuntungan besar, kelas pekerja harus menuntut pembahagian kekayaan yang lebih adil

oleh Abang Fadhil

kepada AS\$6.7 bilion. Sementara taikun hartanah Jeffrey Cheah pula mencatatkan peningkatan kekayaan sebanyak 76 peratus kepada AS\$5.3 bilion. Peningkatan ini berlaku selepas syarikat miliknya, Sunway Group, memisahkan bahagian Sunway Healthcare pada Mac 2026. Selepas itu, Sunway Healthcare telah disenaraikan di pasaran saham melalui tawaran awam permulaan (IPO), dan berjaya mengumpulkan dana sebanyak AS\$732 juta. Ini merupakan IPO terbesar di Malaysia dalam tempoh hampir 10 tahun.

Menurut Forbes Asia, terdapat dua kapitalis baru dalam senarai tahun ini iaitu Lee Kar Whatt, pengasas bersama dan pengarah urusan Eco-Shop Marketing, membuat penampilan pertama di kedudukan ke-18 dengan nilai kekayaan bersih sebanyak AS\$1.5 bilion dan keluarga Tiong, yang berada di kedudukan ke-42 dengan AS\$655 juta, terdiri daripada waris Tiong Hiew King, yang mempunyai kepentingan dalam sektor minyak sawit, hartanah dan media. Forbes Asia telah meningkatkan paras minimum

kekayaan bersih kepada AS\$422 juta daripada AS\$335 juta tahun lalu.

Tidak dapat disangkal bahawa kelas pekerja merupakan kelas yang membangunkan ekonomi melalui tenaga kerja mereka. Namun pada masa yang sama ianya dibangunkan di dalam kerangka eksploitasi yang sistemik. Corak pertumbuhan pasca-pandemik mendedahkan betapa besarnya sumbangan kelas pekerja, yang akhirnya terus menerus dikhianati melalui jurang kekayaan yang semakin melebar ketika ini

dan juga, belenggu ketidakstabilan ekonomi yang menyesakkan kelas pekerja. Ketika krisis pandemik, eko-nomi Malaysia menjadi lumpuh dan kelas pekerja mengalami pembuangan kerja, pemotongan gaji dan faedah dengan pelbagai alasan oleh majikan, manakala kelas pekerja wanita yang terpaksa membahagikan masa antara kerja dan menguruskan rumah disebabkan penutupan sekolah dan pusat jagaan.

Laporan ini mendedahkan bagaimana kerajaan berfungsi sebagai pelindung kepentingan elit; di mana dasar-dasar negara sengaja disusun untuk memudahkan cara pengumpulan kekayaan kapitalis atas nama 'kestabilan ekonomi'. Sistem inilah yang membiarkan kekayaan segelintir individu melambung tinggi sementara kelas pekerja terus dihipit kemiskinan dan ketidakpastian masa depan. Bagi kami, ekonomi harus dirancang secara demokratik oleh perwakilan kelas pekerja demi keadilan agihan. Sebuah kerajaan alternatif yang benar-benar memihak kepada rakyat hanya akan terwujud melalui tangan dan perjuangan kelas pekerja sendiri. ■

Solidariti pekerja protes *union busting* di hadapan Parlimen

Bina penyatuan kesatuan sekerja bantah agenda kapitalis

oleh Wen Jun



Gambar: IndustriALL Union

terlibat dalam amalan sedemikian.

4. Memastikan perundingan kolektif bermula dalam tempoh 60 hari selepas kemenangan undi sulit.

Pekerja juga menuntut agar aktivis pekerja militan yang dipecat dikembalikan ke jawatan asal mereka dengan pampasan yang adil. Tuntutan ini dibuat sebagai tindak balas amalan pemusnahan kesatuan yang belum ditangani oleh kerajaan selama bertahun-tahun di XSD International Paper, Flextronics Malaysia, HICOM, Texas Instruments Malaysia, Nexperia, dan General Aluminium.

Telahpun dilaporkan oleh KESUMA (Kementerian Sumber Manusia), di mana terdapat 246 aduan telah difailkan dalam masa sedekad berikutan cubaan maji-

kan untuk memusnahkan kuasa kesatuan sekerja (*union busting*).

Kesemua kesatuan yang terlibat menghadapi tindakan *union busting* melalui pelbagai taktik yang keji seperti pekerja dipecat, rundingan ditangguh dan proses pengundian disabotaj.

Kes-kes ini tidak melihat sebarang penyelesaian walaupun sepuluh tahun telah berlalu, biarpun kesatuan menegaskan bahawa bukti kukuh telah dikemukakan.

Hal ini diburukkan lagi dengan sikap acuh tak acuh yang ditunjukkan oleh pegawai dari Jabatan Perhubungan Perusahaan dan Jabatan Tenaga Kerja dalam mengambil tindakan tegas.

KESATUAN SEKERJA
SEBAGAI WADAH
PERJUANGAN

Pembinaan kesatuan di setiap tempat kerja adalah hak asasi bagi setiap kelas pekerja di negara kita. Ia merupakan wadah perjuangan kelas pekerja bagi menuntut hak pekerjaan yang bermaruah, dan bagi kelas pekerja untuk berjuang membantah tekanan hidup yang melarat.

Hak kelas pekerja seperti kenaikan gaji, bonus tahunan, elaun kesihatan, kemudahan pengangkutan ke tempat kerja merupakan hak yang sering diketepikan oleh pihak majikan atau bergantung pada sikap pilih kasih majikan dengan hanya memilih beberapa individu pekerja.

Oleh itu kesatuan merupakan platform yang mampu membawa majikan dan syarikat ke meja rundingan dan memenangi tuntutan secara kolektif.

Kerajaan perpaduan di bawah pimpinan Anwar Ibrahim sebe-

narnya tidak ada bezanya dengan kerajaan di bawah UMNO yang mengutamakan kehendak kelas elit kapitalis untuk merendahkan kos kebajikan pekerja demi mengaut keuntungan semaksimal mungkin. Sama ada melalui program penjaminan kos perbelanjaan kerajaan seperti servis kesihatan, sistem pendidikan, dan khususnya isu gaji minimum.

Ia seharusnya menjadi penanda aras untuk sebuah kehidupan yang lestari bagi kelas pekerja. Tetapi RM1,700 merupakan jumlah gaji yang terletak jauh di bawah paras garis kemiskinan iaitu RM2,700. Anak muda dan kelas pekerja terpaksa bertungkus lumus menjalankan dua kerja serentak hanya untuk menampung kos kehidupan yang semakin meningkat ketika ini. Perjuangan membantah *union busting* tidak patut dianggap sebagai perjuangan yang asing menentang sistem yang berasaskan kepentingan segelintir elit kaya. Sebuah gerakan kelas pekerja yang anti kapitalis dan berprinsipkan politik independen demi menghubungkan semua perjuangan kelas pekerja harus dibina.

Sosialis Alternatif berhujah untuk sebuah pembinaan parti pekerja untuk menyatukan semua tuntutan kelas pekerja secara politikal. Sama ada membantah *union busting*, tuntutan sara hidup yang bermaruah, projek pembangunan yang terancang, mahupun mengakhiri negarakan servis perkhidmatan awam, selakannya dipimpin oleh kelas pekerja sendiri secara kolektif dan demokratik.

Ia bukan sekadar persoalan beberapa perwakilan politik memegang jawatan di parlimen dan menang beberapa tuntutan demokrasi, tetapi persoalan kuasa kelas pekerja dalam menentukan pembangunan masyarakat yang lebih progresif. ■

Usir paksa berleluasa, Kuarters KTMB terancam Bantah melalui perjuangan politik mandiri dan anti kapitalis!

oleh Demi Marsinah

Kemelut pengusiran paksa yang melanda beberapa kawasan di Malaysia hari ini bukan sekadar isu terpencil.

Dari Kampung Papan di Klang, ke Kampung Jawa, hingga ke kuarters pekerja KTMB di Klang dan Ipoh.

Kesemuanya mendedahkan satu corak yang sama — kehendak pemodal lebih diutamakan berbanding suara rakyat.

KAMPUNG PAPAN:
SEJARAH PANJANG,
JANJI DIKHIANATI

Kampung Papan, Pandamaran merupakan penempatan lama sejak 1939. Penduduknya terdiri daripada generasi pekerja yang membina kehidupan mereka sendiri di atas tanah tersebut, kebanya-

bersambung ke mukasurat sebelah

sambungan dari mukasurat sebelum

kannya pernah memegang Lesen Pendudukan Sementara (TOL). Pada tahun 1992, kerajaan negeri Selangor menjalankan ukur tanah dan memberi jaminan bahawa penduduk akan memperoleh hak milik, malah penduduk membayar RM70 setiap seorang untuk proses tersebut.

Namun pada 1995, tanah seluas kira-kira 95 ekar dipindahkan kepada Tabung Projek Perumahan Terbengkalai (TPPT), sebelum tahun 2007 kuasa pembangunan diserahkan kepada pemaju swasta, Melati Ehsan Consolidated Sdn Bhd. Pemaju ini bersetuju bahawa di bawah rangka yang ditetapkan kerajaan negeri dengan membina rumah teres dua tingkat bersaiz 20 x 70 kaki pada harga sekitar RM99,000 untuk penduduk asal. Walau bagaimanapun, janji ini tidak pernah ditunaikan.

Sebaliknya, pada tahun 2020, pemaju mendapatkan perintah mahkamah untuk mengusir penduduk, dengan melabel mereka sebagai setinggan. Prosiding mahkamah memihak kepada pemaju di peringkat Mahkamah Tinggi, walaupun sebahagian kes masih dalam proses rayuan. Malah, terdapat perintah untuk menggantung pengusiran terhadap sebahagian rumah sehingga rayuan didengar.

Pada November 2025, krisis memuncak apabila operasi perobohan dijalankan. Sekurangnya 20 rumah dirobohkan, termasuk rumah yang masih berpenghuni, walaupun penduduk mendakwa mereka dimaklumkan hanya rumah kosong akan dirobohkan.

Lebih 27 rumah berpenghuni dilaporkan terjejas. Penduduk seperti Nathan Marimuthu menggambarkan bagaimana rumahnya dimusnahkan dalam masa 30

minit, menyebabkan keluarganya kehilangan tempat tinggal serta trauma yang mendalam.

Penduduk bukan menolak pembangunan, tetapi menuntut keadilan, khususnya penunaian janji asal atau pampasan setimpal. Mereka mempersoalkan mengapa tanah yang kini bernilai tinggi sekitar RM450 sekaki persegi tidak memberi manfaat kepada komuniti yang telah lama menetap di situ.

KAMPUNG JAWA: PEMILIK SAH DILAYAN SEPERTI SETINGGAN

Jika Kampung Papan melibatkan komuniti yang dilabel setinggan, kes Kampung Jawa lebih jelas menunjukkan ketidakadilan sistem. Penduduk di sini adalah pemilik sah tanah mereka. Namun, tanah tersebut diambil oleh kerajaan negeri bagi pembinaan Lebuh raya Pantai Barat (WCE).

Isu utama di sini adalah pampasan. Kerajaan negeri menawarkan sekitar RM5.4 juta untuk tanah tersebut tanpa mengambil kira nilai rumah, sedangkan penilaian bebas menganggarkan nilai keseluruhan mencecah RM34 juta.

Penduduk telah memfailkan kes di mahkamah dan perbicaraan dijadualkan berlangsung, namun sebelum keputusan dicapai, notis pengusiran dua minggu telah dikeluarkan.

Ini menunjukkan bagaimana proses undang-undang boleh dipintas apabila kepentingan projek mega menjadi keutamaan.

Penduduk yang sah dari segi undang-undang tetap diperlakukan seolah-olah mereka tidak mempunyai hak ke atas tanah mereka sendiri.

KUARTERS KTMB KLANG DAN IPOH: PEKERJA KEHILANGAN HAK ASASI



Gambar: Free Malaysia Today

Fenomena pengusiran ini turut menjejaskan pekerja sektor strategik negara. Di Jalan Kastam, Klang, sebanyak 26 unit kuarters KTMB terlibat dalam pengosongan bagi memberi laluan kepada projek ECRL. Walaupun notis telah diberikan, isu utama ialah ketiadaan jaminan penggantian setimpal untuk semua penghuni.

Di Ipoh pula, sekitar 48 unit kuarters pekerja terjejas akibat projek pembangunan Ipoh Sentral. Kesatuan Pekerja-Pekerja KTMB (RUM) membantah keras tindakan ini, menegaskan bahawa sebarang perobohan mesti berasaskan prinsip “robok satu, ganti satu”.

Mereka juga menuntut penempatan sementara yang sesuai, berhampiran tempat kerja, bagi memastikan kebajikan pekerja tidak terjejas. Rintihan pekerja jelas: kuarters ini bukan sekadar tempat tinggal, tetapi sebahagian

daripada kehidupan mereka sebagai pekerja rel yang memerlukan kesiapsiagaan tinggi. Pengosongan tanpa penyelesaian dianggap pengusiran yang tidak berperikemanusiaan.

NEGARA, MODAL DAN ILUSI ‘ORANG TENGAH’. BAK KATA PEPATAH ‘HARAPKAN PAGAR, PAGAR MAKAN PADI’.

Dalam semua kes ini, kerajaan negeri sering memposisikan dirinya sebagai “orang tengah”. Namun, fakta menunjukkan sebaliknya. Kes pengusiran paksa di Kampung Papan menunjukkan kerajaan telah memanipulasi perjanjian asal. Di Kampung Jawa, kerajaan adalah pihak yang mengambil tanah. Dalam kes KTMB, agensi kerajaan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan projek.

RAKYAT YANG DIMANGSAKAN HARUS MEMBAWA TUNTUTAN SECARA POLITIKAL YANG ANTI KAPITALIS

Daripada Kampung Papan ke Kampung Jawa, hingga ke kuarters KTMB, jelas — satu perjuangan yang menggabungkan semua penduduk dan rakyat yang ditindas melalui usir paksa secara terusun dan politikal serta mandiri perlu dibina.

Asasnya kejadian usir paksa bukan saja adalah disebabkan pembangunan yang tidak dirancang melibatkan penduduk setempat, tetapi juga disebabkan motif pembangunan yang mengutamakan projek yang memberi keuntungan berbanding motif pembangunan demi masyarakat umum. ■

Akta Pekerja Gig dikuatkuasakan, namun isu-isu utama seperti gaji minimum dan hak berkesatuan tetap diabaikan

oleh Kelvin Lai



Gambar: Kosmo

Meskipun Akta Pekerja Gig 2025 (Akta 872) telah berkuatkuasa sejak 31 Mac tahun ini, ia tidak membawa perubahan sebenar kepada krisis ekonomi yang semakin mendalam dan kehidupan yang semakin tidak menentu buat lebih 3 juta pekerja gig di seluruh Malaysia.

Persoalan asas disini pekerja gig yang kini merangkumi hampir 20% tenaga buruh negara masih tidak diiktiraf sebagai pekerja sepertimana yang termaktub dalam Akta Kerja 1955, mereka dianggap bekerja sendiri (self-employed).

Bermakna hak perlindungan dan faedah-faedah sosial yang dinikmati pekerja formal seperti cuti sakit tidak dapat dinikmati pekerja-pekerja gig.

Syarikat gig pula dapat memindahkan beban tanggungan kos faedah dan perlindungan yang biasanya dipertanggungjawabkan kepada majikan kepada pekerja. Seperti caruman skim PERKESO, pekerja tidak layak mendapat sesen pun caruman daripada syarikat.

Bagi menutup kelemahan sistem ini, kerajaan kononnya memperkenalkan subsidi caruman PERKESO. Pada tahun pertama, kerajaan membayar 70% daripada caruman, tahun kedua 50%, selebihnya ditanggung oleh pekerja sendiri.

Tidak ada apa yang patut dibanggakan oleh kerajaan, subsidi ini dibiayai daripada dana awam, termasuk hutang kerajaan. Bagi KWSP hanya skim sukarela seperti i-Saraan Plus yang diperkenalkan dalam Bajet 2026.

Pekerja perlu menyimpan sendiri tanpa jaminan perlindungan oleh kerajaan.

Dengan pengenalan akta pekerja gig ini juga, agensi seperti JTK dan JPP tidak bertanggungjawab mengendalikan pertikaian antara pekerja gig dan syarikat gig.

Dalam kes seperti “penyahaktifan” (pemecatan) yang tidak adil, pekerja hanya boleh membawa isu tersebut ke tribunal pekerja gig. Sudahlah proses ini sering lambat dan tidak memihak kepada pekerja.

Dalam keadaan ini, pekerja gig hanya dibenarkan menubuhkan “persatuan” di bawah Akta Pertubuhan 1966. Persatuan tidak mempunyai kuasa untuk mewakili pekerja dalam rundingan dengan syarikat.

Ia tidak mempunyai kuasa untuk menandatangani perjanjian kolektif, dan tidak berhak untuk menganjurkan tindakan industri seperti piket atau mogok. Dibantu oleh kerajaan, secara sistemik syarikat gig ‘mencuri’ hasil gaji pekerja, sambil melemahkan kepayaan pekerja untuk mempertahankan hak dan berjuang secara kolektif.

Akta Pekerja Gig tidak menyelesaikan masalah utama pekerja-pekerja gig terutama pekerja p-hailing yang kebanyakannya anak muda dan pekerja yang berlatar belakang ekonomi yang rendah. Malah dengan memisahkan lapisan pekerja daripada kerangka undang-undang buruh yang sedia ada melemahkan perjuangan

bersambung ke mukasurat sebelah

sambungan dari mukasurat sebelum


pekerja seperti kos sara hidup dan gaji minima secara keseluruhan.

Ini menegaskan keperluan mendesak untuk memasukkan pekerja gig ke dalam sistem perundangan Akta Kerja 1955. Pada masa yang sama, solidariti peker-

ja antara semua pekerja tanpa mengira sektor harus dibina dengan pembaharuan yang lebih progresif dan berpihak kepada pekerja terhadap undang-undang buruh sedia ada seperti menghapuskan *union busting* dan kos sara hidup. ■

Pekerja Keretapi Tanah Melayu pernah mogok selama 23 hari!

oleh Qira



Gambar: SuaraRUM

Presiden RUM yg pertama (Donald Uren) sedang memberi ucapan pada ahli-ahli RUM di hadapan bangunan KTM pada bulan Disember 1962, ketika mogok KTM terbesar dalam sejarah Malaya selama 23 hari yang melumpuhkan pengangkutan keretapi negara.

Pada tahun 1962, mogok pekerja kereta api secara besar-besaran telah dianjurkan oleh pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu selama 23 hari. Walau bagaimanapun, tidak ada seorang daripada mereka yang dibuang kerja oleh pihak pentadbiran.

Malah, para pekerja kereta api pada ketika itu berjaya mendapat gaji bulanan berbanding gaji hari yang diberikan sebelum itu, sebagaimana yang telah diminta oleh mereka dalam mogok tersebut.

Mogok ini adalah mogok kereta api terbesar dalam sejarah negara, dan melibatkan tempoh masa yang panjang sekali. Dalam mogok itu, hampir 15,000 orang pekerja kereta api telah bersatu untuk turun mogok dan menuntut hak-hak mereka.

Mogok yang telah dimulakan pada 22 Disember 1962 ini hampir melumpuhkan sistem pengangkutan Persekutuan Tanah Melayu. Beribu-ribu penumpang telah terjejas dan sebanyak 20,000 tan barang eksport dan import terbengkalai di gudang-gudang dan di Pelabuhan Kelang.

Bahkan, 73 buah kesatuan pekerja Perkhidmatan Awam, Ke-

satuan Pekerja Elektrik Negara dan Kongres Kesatuan Malaysia (MTUC) telah memberikan sokongan kepada pekerja-pekerja keretapi. Konfederasi Kesatuan Antarabangsa Bebas (ICFTU) juga campurtangan dengan memberikan bantuan kewangan.

Selepas mogok itu, satu perjanjian akhirnya telah ditandatangani. Pihak pentadbiran telah diwakili oleh Pengurus Besar, Dato Ahmad Perang, manakala para pekerja telah diwakili oleh Yang Di-Pertua Persatuan Pekerja Keretapi, Donald Uren. Rundingan ini telah melalui proses yang panjang dan berkali-kali apabila Ungku Aziz sebagai orang tengah ketika itu terpaksa membawa masuk Menteri Kewangan dan Perdana Menteri.

Akhirnya, pihak pentadbiran sanggup menerima 90% tuntutan pihak pekerja dan ini telah diterima oleh Persatuan Pekerja Keretapi. Antara lain yang dapat dinikmati oleh mereka hasil dari mogok itu adalah kenaikan gaji, mengiktiraf pekerja sebagai kakitangan kerajaan dan mengambil pekerja harian sebagai pekerja bulanan. ■

Pendedahan Bloomberg

Sindiket Bestinet dan sistem perhambaan moden di Malaysia

oleh Ilyas Husin

Pada 23 Januari 2026, Bloomberg mendedahkan ketempatan sistem pengambilan pekerja asing di Malaysia, khususnya dari Bangladesh. Laporan ini mendedahkan kewujudan sebuah 'ekosistem' yang membolehkan sindiket pemerdagangan manusia berkembang dan mewujudkan bentuk perhambaan moden terhadap pekerja migran.

Pendedahan tersebut turut melibatkan ahli politik, kepimpinan agensi kerajaan, pegawai yang korup serta kelas majikan. Semuanya bersekongkol untuk meraih keuntungan daripada ketempatan pekerja yang berjuang mencari nafkah untuk diri dan keluarga. Ini mencerminkan ciri barbarik kapitalisme dalam negara pasca-kolonial seperti Malaysia.

Di dalam penulisan artikel tersebut, seorang pekerja migran yang bernama Shofiqul Islam, yang ditimpa nasib yang sama dengan majoriti pekerja migran yang lain, menceritakan keadaan pengangguran yang begitu tinggi di Bangladesh. Persaingan yang tinggi untuk mendapatkan pekerjaan hanya untuk gaji yang rendah memaksa Shofiqul untuk mencari kerja di luar Bangladesh, khususnya Malaysia.

Namun kos keseluruhan untuk datang ke Malaysia memerlukan bayaran yuran yang tinggi. Tetapi dalam kelemahan sistem pengambilan kerja asing ini, ada pemangsa yang mengambil kesempatan. Setibanya Shofiqul ke Malaysia, agensi pekerjaan yang menjanjikannya kerja telah lesap tanpa apa-apa jaminan pekerjaan, dan tidak mampu melangsaikan hutang mencecah RM20,000. Shofiqul Islam yang juga sedang menanggung keluarganya menjadi tertekan sehingga kesihatannya merosot dan akhirnya meninggal dunia. Tragedi yang menimpa saudara Shafiqul, hanyalah satu daripada beribu-ribu kisah penindasan yang dihadapi oleh pekerja migran.

Semenjak tahun 1980-an, Malaysia mulai membuka pasaran buruh kepada pekerja migran, berikutan peningkatan taraf mobiliti sosial penduduk tempatan yang menghasilkan sejumlah besar kelas menengah. Kelas kapitalis mengambil tenaga buruh asing bagi menekan kadar gaji sambil memastikan keuntungan tidak akan berkurangan. Kerja-

kerja yang dianggap berbahaya, kotor dan merendahkan tidak lagi diambil oleh pekerja tempatan dan kebanyakannya diambil oleh pekerja migran. Pekerja migran yang bukan hanya dari Bangladesh, tetapi juga dari negara-negara yang kurang membangun berbanding Malaysia telah dijadikan sebagai tenaga buruh yang berlebihan sehingga ianya dapat ditekan serendah mungkin. Mereka dieksploitasi seterusnya oleh kelas kapitalis.

Skandal ini menunjukkan bagaimana syarikat Bestinet, milik Aminul Islam — bekas warganegara Bangladesh yang kini memperoleh kewarganegaraan Malaysia — berjaya menguasai sistem pengambilan pekerja asing. Kedudukan ini bukan dibina secara biasa, tetapi melalui hubungan rapat dengan individu berpengaruh, termasuk Ahmad Zahid Hamidi ketika memegang jawatan Kementerian Dalam Negeri. Bestinet membangunkan sistem digital FWCMS yang kononnya untuk memastikan proses lebih telus. Namun realitinya, sistem ini membuka ruang kepada rangkaian korupsi yang berlarutan selama bertahun-tahun tanpa kawalan.

Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendedahkan sebuah 'pengurusan vakum', di mana kerajaan telah menggunakan perisian tersebut selama enam tahun tanpa adanya kontrak formal. Keseluruhan ekosistem pemerdagangan pekerja ini yang akhirnya menjadi sebuah sindiket pada awalnya hanya mempunyai 25 agensi, berkembang ke 100 agensi swasta yang turut dimiliki oleh ahli parlimen, saudara mara mereka dan juga ahli-ahli politik yang kesemuanya dikawal oleh sindiket tersebut.

The Daily Star, media dari Bangladesh mendedahkan bagaimana dari Ogos 22 sehingga ke bulan May 2024, lebih kurang 476,672 juta pekerja telah berhijrah ke Malaysia untuk mencari nafkah. Bermaksud, melalui pembayaran yang dibayar oleh pekerja sendiri, sindiket tersebut telah mengambil hampir 1 bilion AS dolar dari Bangladesh.

Sindiket yang memangsakan pekerja asing ini sudahpun berulang kali didedahkan bukan hanya melalui laporan nasional tetapi juga institusi antarabangsa. Ini memberi tekanan politik bagi me-

namatkan kontrak Bestinet dan membuka ruang siasatan. Jika didapati bersalah, hukuman dan pampasan harus diberikan seadilnya untuk kesemua pekerja yang dimangsakan selama ini. Walaupun monopoli Bestinet dan rangkaian yang dibina oleh Aminul Islam jelas bermasalah, syarikat itu tetap berjaya memperbaharui kontraknya. Ini menelanjangkan sifat lidah bercabang kerajaan Madani yang kononnya menjanjikan reformasi.

Ternyata keseluruhan ekosistem pemerdagangan kelas pekerja ini mempunyai daya tahannya dan sudah sebatik ke dalam sistem ekonomi di Malaysia yang selama ini telah memperkayakan sebahagian kecil golongan elit, kelas kapitalis dan kuncu-kuncunya di kalangan ahli politik. Pendedahan skandal di Bloomberg hanyalah sebahagian daripada rangkaian korupsi dan ketempatan sistem sedia ada. Walaupun terdapat usaha daripada segelintir pihak untuk memperbaiki sistem ini, inisiatif tersebut kekal terbatas selagi ia tidak mencabar asasnyanya — iaitu motif keuntungan yang membentuk keseluruhan mekanisme pengambilan dan eksploitasi pekerja. Selagi asas ini kekal, pemangsaan terhadap pekerja migran akan terus berulang dalam pelbagai bentuk.

Keperluan sistem kapitalisme untuk mengembangkan ekonomi dan mengekalkan keuntungan kelas kapitalis melalui apa jua cara yang tidak berperikemanusiaan, hanya dapat dihapuskan melalui tindakan campur tangan daripada kelas pekerja dan dipimpin oleh kepimpinan yang dipilih secara demokratik. Tuntutan pekerja harus diperluaskan bersama sokongan pekerja tempatan. Apa yang berlaku bukan kes terpencil, tetapi hasil daripada sistem yang mengutamakan keuntungan. Gaji kelas pekerja ditekan, penggunaan teknologi yang terbatas, semua pekerja termasuk migran dieksploitasi dalam kerangka yang sama.

Sebuah jawatankuasa siasatan yang bebas, dipimpin oleh wakil pekerja dan masyarakat, perlu ditubuhkan untuk menyiasat skandal ini secara menyeluruh dan mengubah sistem pengambilan pekerja yang dimonopoli sindiket agar diambil alih dibawah kawalan kelas pekerja secara telus demokratik. ■



Gambar: Bloomberg

Pekerja bank menang kes NUBE lawan KESUMA/ MCBA!

Mahkamah tinggi sahkan Steven
Sim salah guna kuasa mecabuli hak
pekerja

oleh Kelvin Lai



Gambar: NUBE

NUBE berjaya memperoleh pengesahan Mahkamah Tinggi bahawa bekas Menteri Sumber Manusia, Steven Sim yang kini Menteri Keusahawanan, telah bertindak secara tidak profesional dan tidak beretika dalam pertikaian CA20 (Perjanjian Kolektif ke-20) serta isu bantuan perayaan (*festive aid*), apabila perkara tersebut dibawa ke mahkamah tanpa rundingan pada Februari lalu. Selama 2024–25 Sim berunding terus tanpa melibatkan kesatuan dengan Majlis Majikan Bank Malaysia (MCBA) yang mewakili 17 bank di seluruh negara.

Sim sebagai menteri dalam kerajaan telah melanggar prinsip Akta Perhubungan Perusahaan 1967, dan Konvensyen Organisasi Buruh Internasional (ILO) No. 98 dalam jaminan pihak kerajaan untuk tidak campur tangan dalam sebarang rundingan kesatuan antara majikan.

Dia didakwa telah mengarahkan pihak majikan memotong bantuan perayaan kepada separuh gaji bulanan tanpa persetujuan kesatuan. Arahannya ini dibuat selepas Memorandum Perjanjian (MoA) 2023 dianggap luput oleh MCBA dan kemudiannya disahkan oleh mahkamah buruh.

Kemudian menurut NUBE, tuntutan CA20/FA kini akhirnya kembali ke meja rundingan. Tetapi keadaan sudah terlalu lewat. Mahkamah juga telah menegur kelewatan proses ini, tetapi campur tangan Sim menyebabkan lebih 15,000 pekerja tidak dapat menikmati faedah bantuan perayaan bank.

Pengesahan Mahkamah Tinggi terhadap tindakan Sim merupakan satu langkah penting. Bagi kami ia bukan saja mengesahkan salah guna kuasa menteri, tetapi juga mendedahkan sistem perundingan buruh yang beroperasi di bawah kerajaan kapitalis.

Sebagai contoh, pihak penguasaan Maybank dengan mudah memperoleh perintah injunksi daripada Mahkamah Perusahaan pada tahun lalu untuk menghalang piket anjuran NUBE, mengintimidasi pekerja yang ketika itu sedang berkempenn mengenai isu gangguan seksual.

Pihak kerajaan juga tidak mempunyai sebarang kemahuan politik untuk menghapuskan *union busting*. Pindaan kecil Peraturan Perhubungan Perusahaan (PU(A)153/2025) yang kononnya mendorong majikan untuk mengiktiraf kesatuan sekerja secara sukarela dan mempermudah prosedur undi sulit langsung tidak memberi makna jika dibandingkan penindasan yang kesatuan hadapi oleh syarikat bank.

Pekerja dalam kesatuan NUBE sebagai antara lapisan pekerja yang tersusun, mempunyai potensi besar untuk menghubungkan kesatuan dalam sektor yang lain. Melalui pendekatan ini, sokongan yang lebih luas dapat dibina, solidariti kelas pekerja dapat diperkukuh, dan gerakan pekerja dapat dilanjutkan ke arah perjuangan yang lebih luas dan progresif. Sim hanyalah simptom dalam kerajaan yang berpaksikan sistem ekonomi kapitalisme – yang elit kaya sentiasa diutamakan, dan bagi mereka pekerja hanyalah nombor dan peratus.

Sedang wujud krisis *union busting* dalam negara pada waktu ini seiring dengan ketidak tentuan ekonomi global dan percubaan kerajaan untuk menyesuaikan ekonomi dengan teknologi AI.

Kelas pekerja tidak harus dibiarkan terkapai dalam krisis ini, kesatuan harus terus bergerak dengan lebih militan, anti kapitalis dan berjuang untuk kuasa politik sendiri tanpa perlu manamana kepimpinan elit. Pekerja adalah kuasa perubahan! ■

Pada 9 Februari yang lalu, sebuah protes di hadapan Parlimen menuntut penghapusan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) telah diadakan. Protes telah dianjurkan oleh lebih 30 kumpulan pelajar yang membentuk Sekretariat Mansuh AUKU, dan dihadiri oleh kira-kira 50 pelajar.

Setibanya di Parlimen, Menteri Pendidikan Tinggi Dato' Seri Zambry Abdul Kadir, pada mulanya enggan menerima memorandum, namun ia akhirnya diserahkan kepada Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Adam Adli. Tuntutan pelajar termasuk menyeru kerajaan untuk memansuhkan sepenuhnya AUKU dan menggantikannya dengan kerangka undang-undang yang lebih progresif, inklusif, dan demokratik. Demonstrasi ini mempamerkan rasa kecewa mahasiswa terhadap janji Pakatan Harapan dibawah kepimpinan Anwar untuk menghapuskan sekatan autonomi mahasiswa terutama AUKU di universiti untuk berpolitik.

Kami dari Sosialis Alternatif dan Solidariti Pekerja menyatakan solidariti dengan gerakan mahasiswa untuk membantah AUKU. Kampus dan status mahasiswa tidak sepatutnya menjadi penyekat untuk advokasi politik. Malah kami berhujah selagi AUKU wujud, kesedaran anak muda dan mahasiswa terhadap kepentingan perjuangan politik akan terus disalah ertikan dan mudah dimanipulasi untuk kepentingan ahli politik elit.

Walaupun bagaimanapun kami juga turut bersimpati terhadap gerakan mahasiswa yang sering dianggap eksklusif dan terencil, dituduh emosional, suka memberontak, ataupun lebih parah lagi sebagai 'kuda' untuk parti pembangkang. Inisiatif mahasiswa agar perjuangan demokrasi kampus agar mandiri dari sebarang

pengaruh politik elit harus diangkat – sambil kami juga menyeru keperluan untuk membina tuntutan yang berasaskan program sosialis, anti kapitalis dan solidariti pekerja.

KESEDARAN ANAK MUDA

Perspektif anti kapitalis dan sosialis terhadap perjuangan AUKU adalah amat penting dalam menentukan keberkesanan langkah dan strategi perjuangan mahasiswa — kerana realitinya AUKU yang diwujudkan pada tahun 1971 merupakan salah satu apparatus kerajaan untuk mengawal kebangkitan massa melalui kawalan demokrasi dan ideologi. AUKU pada asasnya menjadi keperluan bagi kelas pemerintah untuk mengekalkan legitimasi status quo untuk kekal berkuasa. Sistem pendidikan tinggi dalam sistem kapitalisme pula bukan saja sedang menyaksikan pendidikan yang seharusnya menjadi hak asasi bagi semua menjadi komoditi untuk menghasilkan keuntungan, tetapi sivil dan taraf pendidikan sebenarnya tidak pun menjanjikan jaminan pekerjaan melainkan nasib diperjudikan dalam sistem pasaran buruh. Lebih teruk lagi impian yang dijanjikan menjerat anak muda terutama dari golongan miskin dan B40 ke dalam jerat hutang pendidikan seperti PTPTN.

Seruan ini juga turut menjawab mengapa wujudnya akta-akta lain yang menindas autonomi mahasiswa di universiti seperti Akta 173 di UiTM yang meletakkan sekatan bagi mahasiswa untuk terlibat dalam politik, juga sekatan terhadap aktiviti-aktiviti politik di dalam kampus. Bukan satu kebetulan sekatan politik terutama politik mahasiswa, kelas pekerja dan akar umbi seperti perjuangan orang asli ditindas dalam kerajaan yang berpaksikan agenda kapitalis.

Ordinan Kesatuan 1946/1948 yang ditubuhkan untuk mengawal gerakan pekerja misalnya memberikan impak dari segi ideologi dan tuntutan demokrasi yang lebih progresif seperti gaji minimum yang lebih adil, hak perumahan dan hak servis kesihatan yang lebih berkualiti.

Justeru gerakan mahasiswa menuntut autonomi politik harus dipertahankan dengan mengambil pendirian kiri dan anti kapitalis serta dipersiapkan dengan program yang menyeluruh menghubungkan seluruh rakyat yang ditindas.

PEMIMPIN MASA KINI

Satu perkara menarik yang perlu diperhatikan ialah beberapa pemimpin kerajaan semasa — seperti Anwar Ibrahim dan Adam Adli — pernah terlibat secara aktif dalam gerakan aktivisme pelajar sehingga dihadapkan tindakan undang-undang.

Misalnya protes Baling 1974 dipimpin oleh Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, di mana Anwar ketika itu merupakan presiden. Manakala Adam Adli juga secara konsisten menentang AUKU dan PTPTN sebelum menjadi ahli menteri.

Individu korup seperti Anwar dan Adam Adli yang menggunakan gerakan mahasiswa untuk menaikkan diri mereka sendiri harus diambil pengajaran oleh mahasiswa agar gerakan memberikan keutamaan untuk membina program yang mengangkat kepimpinan akar umbi, anti kapitalis dan menyokong perjuangan solidariti pekerja secara demokratik.

Maju terus perjuangan autonomi politik mahasiswa! Bina jaringan solidariti mahasiswa bersama kelas pekerja, hapuskan kapitalisme, bina masyarakat demokratik sosialisme! ■

Protes Kesatuan Mahasiswa di Universiti Malaya

oleh Sera



Gambar: Malaysiakini

Dalam tiga bulan pertama 2026, protes berterusan di Papua. Komuniti orang asal turun ke jalan untuk menentang projek pembangunan berskala besar yang dilaksanakan di bawah rangka kerja Projek Strategik Nasional (PSN). Prabowo Subianto membentangkan projek-projek ini sebagai kemajuan.

Namun bagi rakyat Papua, projek-projek ini dilihat sebagai rampasan tanah untuk menguntungkan syarikat besar dan elit politik — bukan komuniti tempatan. Melalui rangka kerja seperti Projek Strategik Nasional (PSN), kerajaan mempercepatkan proses ini. Kawasan hutan yang luas boleh ditukar statusnya untuk kegunaan industri — sama ada untuk kelapa sawit, tebu, pembalakan atau perlombongan.

Lesen konsesi diberikan kepada syarikat-syarikat besar, termasuk konglomerat tempatan dan pelabur antarabangsa. Dalam banyak kes, proses ini berlaku dengan rundingan yang minimum, tidak telus, atau sekadar formaliti.

Di Merauke, projek ladang tebu berskala mega melibatkan ratusan ribu hektar tanah. Tanah ini bukannya tandus — ia adalah sumber kehidupan komuniti tempatan seperti makanan dan perubahan yang tumbuh dari ekosistem tersebut.

Kawasan yang ditarah itu juga merupakan pusat adat dan budaya mereka. Situasi yang sama telah berlaku di wilayah lain seperti Sumatera dan Kalimantan dengan perluasan ladang kelapa sawit. Syarikat-syarikat besar memperoleh keuntungan daripada eksport minyak sawit

ke pasaran global, sementara bagi komuniti tempatan tanah yang menjadi sumber untuk mereka telah dirampas. Dalam banyak kes, mereka dipaksa menerima pampasan yang rendah atau pekerjaan bergaji minimum di kawasan yang mereka hidupan sendiri.

Dalam sektor perlombongan pula, kes seperti operasi Freeport-McMoRan di Papua menunjukkan bagaimana lombong emas dan tembaga di Grasberg — antara lombong terbesar di dunia — menjana keuntungan berbilion dolar setiap tahun sambil memusnahkan dan mencemarkan alam sekitar.

Di bawah pentadbiran Prabowo Subianto, pendekatan negara terhadap kebangkitan massa terutama kebangkitan seperti protes di Papua semakin bergantung kepada strategi militerisme. Sepanjang 2025 hingga awal 2026, pelbagai laporan menunjukkan penahanan berulang terhadap aktivis dan peserta protes aman.

Sebagai contoh, dalam beberapa siri bantahan terhadap projek ladang dan isu penentuan nasib sendiri, puluhan rakyat yang berprotes telah ditahan dalam satu-satu operasi, dengan angka keseluruhan mencecah ratusan penahanan sepanjang tahun menurut pemantau tempatan.

Tetapi ia konsisten dengan tindakan-tindakan keras kerajaan Indonesia di bawah pimpinan Jokowi. Dalam beberapa kes, laporan turut mencatat penggunaan kekerasan bagi memaksa protes untuk bersurai, juga kecederaan akibat kekerasan pihak berkuasa.

Di kawasan luar bandar, pengusiran paksa terhadap penduduk

Indonesia: Protes di Papua berterusan

oleh Liam



Gambar: Yayasan Lembaga Bantuan Hukum

dilaporkan sehingga mencetuskan insiden tembak menembak antara pihak berkuasa dan penduduk kampung. Penindasan terhadap rakyat Papua adalah demi memuaskan tujuan kelas kapitalis menimbun kekayaan dan kekuasaan.

Kami turut bersimpati dan menyokong perjuangan rakyat Papua yang ditindas. Hanya dengan menghapuskan sistem kapitalis di Papua dan menggantikannya dengan sistem ekonomi demokratik sosialisme — sistem yang dirancang secara demokra-

tik untuk keperluan massa dan tidak memandang remeh kepentingan alam semula jadi sebagai sumber asas manusia, perjuangan rakyat Papua yang ditindas akan mendapat pembelaan. ■

Keganasan Seksual Terhadap Wanita dan Kanak-kanak Meningkatkan

oleh Anis



Gambar: Harian Metro

Kes keganasan seksual dan Krogol di Malaysia menunjukkan peningkatan yang membimbangkan. Antara Januari hingga April tahun lalu, sebanyak 1,300 kes melibatkan mangsa berumur lebih 18 tahun direkodkan — bersamaan kira-kira 11 kes sehari. Pada masa yang sama, kes terhadap kanak-kanak juga meningkat.

Menurut Pengarah JSJ Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily, Polis Diraja Malaysia merekodkan 6,462 kes penderaan seksual kanak-kanak antara 2020 hingga 2024, dengan peningkatan setiap tahun.

Keadan ini diperburukkan oleh kelemahan sistem keadilan dalam mengendalikan kes keganasan seksual. Menurut Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution, hanya sekitar 40% kes berjaya memulakan siasatan, sementara NGO hak wanita *Women's Aid Organisation* (WAO) pula mendapati kurang daripada 8% mangsa tampil membuat laporan kepada pihak berkuasa.

Faktor seperti rasa malu, ketergantungan ekonomi dan sistem sokongan yang lemah menjadi punca utama mangsa tidak melaporkan kes.

Walaupun kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah, termasuk Akta Gangguan Seksual 2022 dan pindaan Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, usaha ini masih belum memberi impak ketara. Kes terus meningkat dari tahun ke tahun, walaupun selepas berakhirnya fasa pandemik.

Penyelesaian sistemik terhadap keganasan wanita memerlukan anti kapitalis dan mengangakat program sosialis

Realiti bahawa ekonomi negara kononnya stabil dan pulih selepas pandemik sebenarnya

menutup keadaan sebenar kelas pekerja. Ramai terpaksa bekerja lebih masa atau mempunyai lebih daripada satu pekerjaan untuk menampung kos hidup yang semakin meningkat. Keadan ini membebankan wanita secara berganda.

Ramai terperangkap dalam hubungan yang mendera kerana ketergantungan ekonomi terhadap suami atau keluarga, terutama jika tidak bekerja.

Walaupun wanita bekerja, mereka sering dianggap berstatus

lebih rendah berbanding lelaki, disebabkan tugas tradisional di dalam rumah seperti memasak, mengemas dan menjaga keluarga.

Ini yang menjelaskan jurang gaji antara wanita dan lelaki walaupun melakukan kerja yang sama dan menghadkan kebebasan wanita untuk berdikari dan keluar daripada situasi penindasan.

Sebuah NGO liberal mencadangkan agar kerja rumah diiktiraf sebagai kerja berbayar, termasuk pemberian elaun kepada

suri rumah supaya mereka mempunyai simpanan sendiri dan mengiktiraf sumbangan mereka. Namun, kedudukan wanita yang lebih rendah dari segi ekonomi dan sosial hanyalah sebahagian daripada masalah yang lebih besar.

Bagi kami, kerja-kerja rumah perlu dijadikan tanggungjawab sosial dengan penyediaan pusat dobi dan kantin awam dan pusat jagaan kanak-kanak.

Semua ini hanya boleh direalisasikan jika kerajaan mempunyai

kehendak politik yang selari dengan kepentingan kelas pekerja. Namun sama ada UMNO atau PKR, kedua-duanya mewakili elit kapitalis dalam kerajaan.

Janji seperti meningkatkan penyertaan wanita dalam Parlimen juga tidak ditunaikan, manakala individu yang korup masih dilantik dalam kerajaan.

Anggapan bahawa isu keganasan seksual dan domestik sebagai isu peribadi dan harus menjadi rahsia kalangan ahli keluarga terdekat harus dipecah dan dihapuskan dengan membawa tuntutan anti seksisme dan keganasan seksual ke dalam perjuangan harian seperti kesatuan sekerja, sekolah dan komuniti setempat. NUBE, iaitu kesatuan pekerja-pekerja bank nasional misalnya sedang memperjuangkan tuntutan keganasan seksual dan rasisme di tempat kerja.

Situasi krisis geopolitik yang menyebabkan perang sedang menyaksikan peningkatan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak. Ini juga akan memberikan kesan terhadap kesedaran hak wanita terutama anak muda, dan kanak-kanak perempuan yang terpaksa menerima realiti penindasan dan keganasan wanita adalah kebiasaan atau takdir malang beberapa individu.

Oleh itu kami menyeru untuk membina perjuangan yang menyeluruh bagi sebuah pembinaan masyarakat baru yang dipimpin secara demokratik oleh rakyat biasa dan kepimpinan kelas pekerja untuk menghapuskan keganasan seksual yang menjadi ciri dalam sistem masyarakat kapitalis.

Ayuh bina perjuangan bersama, hapus kapitalisme, hapus keganasan terhadap wanita! ■

Myanmar: Aktivis Mahasiswa Ma Wutt Yee Aung, 25, mati dalam tahanan

oleh Sera



Gambar: The Irrawaddy

Aktivis mahasiswa dan tahanan politik Ma Wutt Yee Aung, berusia 25 tahun, meninggal dunia pertengahan tahun lalu dalam penjara selepas terlalu lama keperluan perubatan akibat kecederaan kepala diabaikan.

Kecederaannya adalah disebabkan kekerasan oleh kerajaan junta Myanmar yang telah

menyeksaanya ketika soal siasat dalam tahanan.

Ma Wutt Yee Aung, yang dilahirkan pada tahun 2000, membesar dengan menyaksikan perjuangan demokrasi menentang pemerintahan kuku besi junta. Kemenangan parti NLD pada tahun 2016 terutamanya memberikan harapan dan janji baru

kepada anak muda Myanmar untuk sebuah negara yang lebih demokratik. Ma Wutt Yee Aung sebagai mahasiswa, bertekad untuk turut memainkan peranan agar perjuangan demokrasi diteruskan. Dia bukan saja terlibat secara aktif dalam aktivisme sebagai individu, tetapi juga menjadi sebahagian daripada Jawatankuasa Eksekutif Pusat kesatuan mahasiswa di universitinya.

Namun, satu lagi rampasan kuasa kerajaan oleh pihak junta pada Februari 2021 membawa kembali pemerintahan ketenteraan yang lebih autokratik dan kejam. Ma Wutt Yee Aung ditangkap semula pada 14 September 2021 dengan hukuman tiga tahun di bawah Seksyen 505(a) Kanun Keseksaan dan dipenjarakan di Penjara Insein.

Beliau kemudian dipindahkan ke Penjara Daik-U, dan seterusnya dikembalikan ke Insein, di mana beliau menerima tambahan hukuman empat tahun di bawah Seksyen 52(a) Kanun Keseksaan pada 27 Jun 2023.

Ketika dalam tahanan beliau mengalami kecederaan teruk di kepala semasa soal siasat. Walaupun menerima rawatan perubatan pada tahap tertentu semasa dalam penjara, namun akhirnya meninggal dunia akibat penjagaan yang tidak mencukupi.

Junta menyenaraikan punca kematian Wutt Yee Aung sebagai “epilepsi kronik” dalam sijil pelepasan rasmi penjara yang diberikan kepada keluarganya. Seorang rakan Wutt Yee Aung dan Kesatuan Mahasiswa Universiti Dagon mempertikaikan dakwaan tersebut, dengan menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai sebarang masalah kesihatan sebelum dipenjarakan.

Ma Wutt Yee Aung sangat disayangi oleh ibunya, semasa

pengebumian Ma Wutt Yee Aung, ibunya berkata “anak saya menghadapi kematian dengan enggan tangan yang erat, tanpa sedikit pun ketakutan di wajahnya — tidak juga sebarang kerutan menahan sakit.”

Pihak junta — dikenali sebagai Tatmadaw—terus menggunakan taktik kotor untuk kekal berkuasa. Kemenangan mereka dalam pilihan raya terbaru negara pada tahun 2026 telah ditolak sebagai satu penipuan, dengan laporan menyatakan bahawa pilihan raya tidak dijalankan di 67 daerah, dan daerah yang tidak diiktiraf sebagai daerah pengundian telah diambil kira.

Manakala China dan Rusia — yang telah lama menyokong junta atas kepentingan ekonomi, termasuk menjual senjata kepada rejim ketika situasi perang sivil di Myanmar — juga merupakan antara yang menjadi pemerhati pilihan raya di pusat pengundian.

Walaupun penindasan dan penyalahgunaan kuasa oleh rejim terus berleluasa, mereka masih gagal mengawal rakyat Myanmar sepenuhnya. Seperti Wutt Yee Aung, generasi baharu di Myanmar sedang menolak dominasi politik oleh tentera, dan sedang nekad untuk menamatkan kuasa Tatmadaw.

Regim Tatmadaw dilihat semakin lemah, menurut laporan mereka terpaksa memanggil semula anggota tentera yang telah bersara untuk kembali bertugas, menculik anak muda dan kanak-kanak lelaki untuk dijadikan tentera.

Keadaan ini telah memperhebatkan usaha dan kempen untuk meyakinkan rakyat dan tentera supaya berpaling dari arahan pemerintahan Tatmadaw. Namun, kempen tersebut masih tidak berjaya sepenuhnya dis-

ebabkan sokongan China dan Rusia terhadap regim. Pada masa yang sama AS turut memainkan peranan untuk mempengaruhi politik di Myanmar dan Asia Tenggara yang membawa kesan yang buruk kepada rakyat.

Gerakan mahasiswa dan anak muda menuntut sebuah masyarakat demokratik di Myanmar adalah langkah yang progresif. Namun perjuangan demokrasi yang menentang regim junta harus dibina atas dasar solidariti kelas pekerja dan anti kapitalis.

Serangan demokrasi oleh regim pemerintah adalah sistemik dan tidak dapat dipisahkan dari agenda kapitalis untuk mengawal gerakan rakyat demi mengekalkan status quo dan membolot keuntungan hasil dari tenaga kelas pekerja dan sumber alam semula jadi.

Myanmar terutama di daerah Rakhine mempunyai sumber minyak petroleum dan merupakan lokasi terpenting bagi projek mega *Belt and Road* oleh China untuk memberikan akses secara langsung kepada Lautan Hindi.

Pemergian Ma Wutt Yee Aung tidak patut disia-siakan, mahasiswa dan aktivis serantau sama ada di Philippines, Thailand, Indonesia, Vietnam mahupun Malaysia yang sedang giat berjuang menentang kebobrokan pemerintah dan menuntut hak demokrasi, harus mengambil inspirasi dan pengajaran serta terus membina perjuangan mahasiswa dan anak muda dengan berbekalkan perspektif anti kapitalis serta solidariti kelas pekerja untuk membina masyarakat baru iaitu demokratik sosialisme yang berasaskan kepentingan massa berbanding keuntungan dalam sistem kapitalis yang barbarik dan adil hanya untuk segelintir. ■

Protes di Gelang Patah, Johor, menuntut pencemaran habuk dihentikan serta pampasan diberikan

oleh Marcus



Gambar: Free Malaysia Today

Februari yang lalu, penduduk di Gelang Patah, Johor telah berhimpun untuk membantah operasi pusat data yang terletak berhampiran kawasan perumahan.

Kedudukan projek yang terlalu dekat dengan kediaman telah mengakibatkan pencemaran habuk yang serius, memaksa penduduk membersihkan rumah dan kenderaan setiap hari di samping menjalankan rutin kerja harian mereka.

Pencemaran habuk turut mengancam kesihatan penduduk. Disebabkan itu penduduk terpaksa menghabiskan masa di dalam rumah – menjejaskan aktiviti fizikal harian mereka.

Penggunaan air oleh pusat data ini juga masih tidak didedahkan secara telus, menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk. Sebagai sebuah kawasan yang bergantung kepada pertanian dan perindustrian, ketidakpastian terhadap kesan projek ini turut menimbulkan risiko punca pendapatan di kalangan kelas pekerja dan pengusaha tempatan.

Yang sehingga kini, pegawai kerajaan yang menyelia projek tersebut masih belum memberikan maklum balas yang memuaskan terhadap tuntutan penduduk.

Dalam keadaan ini, ZData Technologies, syarikat yang merancang projek tersebut, telah dianugerahkan penarafan GreenRE Platinum bagi reka bentuk air, tenaga dan kelestarian, walaupun tuntutan penduduk masih belum dipenuhi, termasuk pampasan terhadap kesan kesihatan yang telah didakwa.

Walaupun ZData menafikan aduan mengenai pencemaran

habuk dan menyatakan bahawa aktiviti pusat data adalah minimum serta mematuhi piawaian, protes penduduk telah mendesak pihak kerajaan mengambil langkah terhadap pemaju dan pementauan yang lebih ketat terhadap projek tersebut.

Malaysia kini dilihat sebagai alternatif kepada Singapura bagi pelaburan asing dalam industri pusat data. Pelaburan dalam sektor ini telah mencecah RM144.4 bilion, namun peningkatan ini tidak diterjemahkan kepada peningkatan taraf hidup pekerja.

Pada peringkat global, pusat data AI pada awalnya dibina di kawasan luar bandar negara kapitalis maju, namun ia segera berdepan tentangan daripada penduduk tempatan yang mengalami peningkatan kos elektrik dan air, pencemaran bunyi serta kemusnahan alam sekitar.

Akibatnya, syarikat kapitalis mula memindahkan projek ke negara ekonomi rendah dan membangun seperti Malaysia, di mana tentangan dianggap lebih lemah dan tenaga kerja lebih mudah dieksploitasi.

Protes ini mencerminkan masalah yang lebih besar dalam projek pembangunan yang mengutamakan keuntungan berbanding kesejahteraan penduduk dalam sistem kapitalisme.

Dengan peningkatan pelaburan dalam pusat data, lebih banyak projek dijangka dibina, dan ini berkemungkinan akan diikuti oleh ketidakpuashatian penduduk beserta protes yang mungkin akan tercetus disebabkan pembangunan projek yang tidak dirancang bersama penduduk se-

tempat.

Protes-protes yang tercetus seharusnya membawa penentangan terhadap agenda kelas kapitalis yang hanya mementingkan keuntungan dan menuntut agar

pembangunan projek infrastruktur dibina secara terancang dan demokratik melibatkan komuniti setempat beserta pakar yang bertauliah.

Kami juga berhujah agar pem-

angunan teknologi dikawal oleh kepimpinan pekerja agar kemajuannya dapat dinikmati oleh semua. ■



PENDIRIAN SOSIALIS ALTERNATIF

PENDIDIKAN

- Hak Pendidikan yang percuma dan berkualiti untuk semua termasuk di Universiti dan Kolej: Memansuhkan yuran pengajian di Universiti dan Kolej dan menghapuskan hutang pelajar termasuk PTPTN.
- Menuntut autonomi sepenuhnya kepada universiti dan kolej untuk mengeluarkan graduan kreatif untuk pembangunan keperluan rakyat biasa dan bukannya berpaksikan kepada keuntungan maksimum kapitalis.
- Tidak kepada penswastaan pendidikan termasuk pengkorporatan universiti dan kolej awam. Memiliknegarakan atau pemilikan awam segala entiti pendidikan daripada tadika hinggalah ke universiti dengan pembiayaan yang secukupnya untuk meningkatkan kemudahan dan kualiti pendidikan.
- Menyokong hak pekerja awam di bidang pendidikan, guru dan pensyarah untuk mempertahankan hak mereka dan autonomi pendidikan.
- Untuk mentransformasikan Persatuan Pelajar kepada Kesatuan Pelajar yang bebas, demokratik dan memperjuangkan hak dan keperluan pelajar.
- Untuk membentuk pendidikan yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan melalui pemilikan awam, dan ianya diuruskan secara demokratik dan percuma di semua peringkat - sistem pendidikan sosialis.

PEKERJAAN DAN KEBAJIKAN

- Menyokong perjuangan anak muda dan warga pekerja untuk hak pekerjaan.
- Hapuskan pengangguran dengan hak pekerjaan yang adil untuk semua.
- Hapuskan polisi 'buruh murah' atau penghambaan pekerja, dengan mewujudkan gaji minimum atau gaji saraan hidup (living wage) yang setimpal dengan kenaikan inflasi.
- Hapuskan amalan 'outsourcing' dan buruh kontrak yang mengakis hak pekerja dan kesatuan sekerja.

- Peluang latihan yang adil untuk anak-anak muda dengan gaji saraan hidup, termasuk pekerjaan yang terjamin selepas latihan.
- Hentikan pembuangan pekerja di sektor awam atau swasta. Miliknegarakan syarikat yang mengancam penutupan, di bawah kawalan demokratik oleh kesatuan sekerja dan warga pekerja.
- Majikan harus memperuntukkan elaun perumahan, pengangkutan, makanan dan faedah-faedah lain yang diperlukan untuk kebajikan pekerja.
- Hak penubuhan kesatuan sekerja tanpa sebarang sekatan undang-undang oleh kerajaan atau campurtangan majikan.
- Pinjaman perumahan tanpa faedah oleh kerajaan untuk memastikan keluarga miskin memiliki tempat kediaman. Pinjaman perumahan kerajaan dengan faedah yang rendah harus diperluaskan kepada warga pekerja di sektor swasta.
- Membina tempat-tempat rekreasi awam percuma dan berkualiti kepada anak muda dan pekerja.

HAK DAN DEMOKRASI

- Mempertahankan hak untuk membantah dan berdemonstrasi. Tiada penganiayaan kepada penunjuk perasaan. Hak untuk berorganisasi di setiap sekolah, kolej dan universiti.
- Hentikan keganasan polis terhadap demonstrasi dan rakyat biasa.
- Tiada rasisme, seksisme, homophobia, dan semua bentuk diskriminasi.
- Pertahankan hak dan budaya semua minoriti termasuk orang asal.
- Hak pekerjaan, perumahan dan perkhidmatan tanpa diskriminasi kaum, agama dan jantina.
- Hentikan serangan ke atas hak-hak wanita.
- Wujudkan semula pilihanraya kerajaan tempatan di setiap daerah.
- Tidak kepada parti-parti yang berlandaskan kapitalisme. Berkempen untuk pembinaan

parti massa kelas pekerja dan anak muda untuk mempertahankan hak dan kepentingan rakyat biasa.

- Hentikan penswastaan perkhidmatan awam. Memiliknegarakan semula semua kemudahan awam dengan kawalan demokratik kesatuan sekerja dan rakyat biasa.
- Hentikan pemotongan subsidi dan mula merancang ekonomi berlandaskan keperluan rakyat, bukan keuntungan maksimum.

SOLIDARITI ANTARABANGSA DAN DEMOKRATIK SOSIALISME

- Untuk solidariti antara kelas pekerja dan anak muda di seluruh dunia.
- Solidariti dengan Perjuangan Anak Muda dan Pekerja di Timur Tengah/Afrika Utara untuk pembentukan kerajaan kelas pekerja dan petani miskin.
- Tidak kepada peperangan dan campur tangan imperialis. Untuk pengosongan segera semua tentera asing dari Afghanistan dan Iraq.
- Tamatkan kepungan Gaza di Palestin dan hormati hak pembentukan negara Palestin.
- Hentikan pembinaan peluru berpandu nuklear dan hapuskan segala senjata yang boleh memusnahkan alam.
- Menyokong kempen solidariti Tamil Sri Lanka - untuk hak semua rakyat untuk menentukan pilihan sendiri.
- Tidak kepada kemusnahan alam sekitar. Bagi pelan yang mampan berlandaskan kepada demokratik sosialisme untuk industri pengeluaran yang tidak akan memusnahkan planet ini.
- Tidak kepada kapitalisme. Bagi dunia sosialis, di mana monopoli besar dijadikan pemilikan awam, dengan ekonomi yang dirancang secara demokratik dan sumber-sumber alam dipergunakan untuk memenuhi keperluan manusia sejagat.

Sosialis Alternatif adalah sebahagian daripada pertubuhan sosialis dan kelas pekerja antarabangsa (*Committee for a Workers' International*) yang beroperasi di lebih 50 buah negara. Sosialis Alternatif berkempen menentang penindasan kapitalisme ke arah membentuk masyarakat yang berlandaskan demokratik sosialisme di Malaysia dan sedunia.

www.sosialisalternatif.org / www.socialistworld.net



KEMPEN GAJI
MINIMUM

Gerakan pekerja dan
anak muda untuk
gaji minimum RM20
sejam!

Ketidaksamaan sosial dan ekonomi di Malaysia sudah mencapai kadar yang membimbangkan. Berikutan kemelesetan ekonomi global pada 2008, golongan kapitalis meneruskan kehidupan mewah mereka manakala majoriti kelas pekerja dan rakyat biasa masih bergelut dengan kemiskinan.

Laporan terbaru dari Institut Kajian Khazanah menunjukkan bahawa pandemik Covid-19 telah menyebabkan kemiskinan mutlak meningkat sebanyak 4.5% pada 2022; iaitu sebanyak 1.3% daripada 2019. Ini mendedahkan ketidakmampuan kerajaan untuk menyelesaikan masalah asas rakyat dan menyebabkan sebahagian besar rakyat miskin terus terperangkap ke dalam jurang kemiskinan. Diterukkan lagi, pengeluaran skim KWSP telah mengakibatkan sebahagian besar kelas pekerja tidak mempunyai simpanan yang cukup buat hari tua mereka dan meletakkan kelas pekerja di dalam situasi masa depan yang berisiko dan tidak stabil.

Laporan daripada badan kerajaan sendiri seperti Khazanah telah menunjukkan bahawa peningkatan gaji di Malaysia tidak setara dengan pertumbuhan produktiviti negara. Dari 2015 hingga ke 2022, peruntukan yang diagihkan untuk gaji pekerja telah menurun sebanyak 3% manakala untuk keuntungan korporat pula telah meningkat sebanyak 7%. Walaupun golongan pemodal atau kapitalis dilihat membuat untung berbillion-billion ringgit, rakyat biasa terus dibebankan dengan kenaikan harga barang dan pembekuan gaji.

Secara purata, setiap isi rumah kelas pekerja terpaksa membelanjakan kira-kira 44% daripada gaji mereka untuk membayar hutang. Pada tahun 2023, hutang isi rumah telah meningkat sebanyak RM 1.53 trillion - bersamaan 84.2% nisbah hutang dengan KDNK. Dengan beban hutang yang tinggi, rakyat Malaysia juga terpaksa menanggung kos pendidikan dan kesihatan yang semakin meningkat. Peningkatan kos perubatan Malaysia sebanyak 14% tahun ini telah mengatasi kadar purata Asia iaitu sebanyak 11.4%.

Walaupun rakyat Malaysia dengan jelas sedang bergelut dengan kenaikan kos hidup, kerajaan Malaysia, pihak pembangkang dan kapitalis-kapitalis korporat langsung tidak pedulikan nasib mereka. Tidak ada pihak yang berusaha memberikan penyelesaian ataupun jalan keluar bagi permasalahan yang sedang dihadapi. Golongan korporat dilihat menimbun keuntungan manakala kelas pekerja dan rakyat biasa sedang membanting tulang memperbaiki kehidupan mereka.

KAMI MENUNTUT KEADILAN
SOSIAL DAN KEHIDUPAN YANG
BERMARUAH UNTUK WARGA
PEKERJA DAN ANAK MUDA!

Gaji minimum yang ditetapkan pada masa ini iaitu RM 1,500 sebulan adalah tuntutan yang sudah ketinggalan zaman. Malah jumlah ini adalah jumlah yang jauh lebih rendah berbanding jumlah saranan yang telah diberikan oleh Bank Negara Malaysia iaitu sebanyak RM 2,700 pada tahun 2018. Malah pada bulan September 2024, Perdana Menteri Anwar Ibrahim telah menetapkan kadar gaji minimum sebanyak RM 3,000 untuk semua pekerja di bawah Khazanah Nasional Berhad dan menyatakan harapan agar syarikat-syarikat swasta akan mencontohi tindakan syarikat pelaburan negara tersebut.

Walaupun pihak kerajaan sedang merancang dalam melaksanakan dasar gaji progresif - namun ini tidak akan memberi jaminan bahawa nasib kelas pekerja tidak akan ditindas oleh kelas kapitalis. Kerajaan kononnya ingin memainkan peranan selaku 'orang tengah' di antara kelas kapitalis dan juga kelas pekerja - namun realitinya, yang kekal diutamakan tetaplah keuntungan kelas kapitalis itu sendiri. Kerajaan telah memilih untuk mendengar hujah Persatuan Majikan Malaysia yang telah mendesak pihak berkuasa untuk mengurangkan kenaikan kadar gaji minimum dalam tekanan ekonomi dan sosial bagi majoriti isi rumah di Malaysia.

Manakala pihak pembangkang yang masih mendapat habuan elaun dan gaji yang selesa tidak pula merasakan keperluan untuk menuntut kenaikan gaji minimum yang adil bagi rakyat biasa. Kelas pekerja dan rakyat biasa harus sedar bahawa wakil-wakil parlimen tak kira dari PH atau PN hanya mementingkan kuasa dan kebergantungan kepada kepentingan kapitalis-kapitalis korporat.

PERJUANGAN KELAS UNTUK
PERUBAHAN EKONOMI DAN
SOSIAL!

Gerakan gaji minimum yang adil adalah untuk menjamin sebuah kehidupan yang bermaruah untuk kelas pekerja. Kempen ini merupakan perjuangan bagi mengangkat hak pekerja yang merupakan tulang belakang kepada pembangunan ekonomi dan sosial untuk negara. Gerakan untuk menuntut gaji minimum perlu mencerminkan masalah-

masalah rakyat yang berpunca akibat pembekuan gaji pekerja manakala harga barang dan perkhidmatan asas semakin meningkat.

Selepas mengambil kira pandangan pekerja dan anak muda dari pelbagai sektor dan latar belakang, kami menuntut gaji minima yang dikuatkuasakan sekarang harus digandakan supaya setara dengan kenaikan harga barang. Berlandaskan kepada maklum balas pekerja dan tekanan sosial dan ekonomi, gaji minimum haruslah sekurang-kurangnya RM 3,600 sebulan ataupun RM 20 sejam bagi semua pekerja tanpa mengira status, sama ada pekerja tetap atau separuh masa atau pekerja migran. Kami ingin menuntut RM 20 sejam bagi semua pekerja tanpa diskriminasi kaum atau jantina supaya pekerja boleh menikmati hidup yang bermaruah.

KE ARAH GAJI SARA
HIDUP YANG ADIL!

Walaubagaimanapun, tuntutan atau kempen 'RM 20 sejam @ RM 3,600 sebulan' hanya merupakan langkah pertama dalam perjuangan ke arah gaji yang lebih setara dengan kerja yang dilakukan. Kadar gaji minimum tersebut juga harus berkembang mengikut kadar inflasi pada masa-masa tertentu. Setiap pekerja layak mendapat gaji sara hidup.

Perjuangan untuk gaji minimum RM 20 sejam @ RM 3600 sebulan merupakan langkah pertama untuk mengenalpasti masalah kelas pekerja serta anak muda, dan mendorong mereka untuk membebaskan diri dari beban ekonomi.

Pada masa yang sama, banyak daripada pekerjaan bergaji rendah bukan saja menghadapi situasi pekerjaan yang tidak stabil dengan kontrak jam sifar di mana pekerja berisiko untuk dihentikan bila-bila masa, mereka juga dibayar mengikut kadar jam berbanding kadar bulanan yang dianggap lebih tetap, dan disertakan dengan faedah-faedah pekerja. Pekerjaan ini kebanyakannya dilakukan oleh golongan minoriti, pekerja imigran dan wanita. Maka perjuangan untuk RM 20 sejam @ RM 3600 sebulan adalah juga sebuah perjuangan bagi menuntut kesaksamaan sosial.

Sebuah gerakan pekerja dan anak muda harus dibina untuk mencapai tuntutan gaji minimum yang lebih adil. Gerakan ini adalah untuk memperkasakan kelas pekerja dan anak muda serta melibatkan mereka dalam

sebuah perjuangan menuntut perubahan.

Rangkaian aktivis dan organisasi progresif yang mempunyai hasrat yang sama harus bergabung untuk melebarkan perjuangan bersama. Anak muda, mahasiswa, pekerja profesional, kelas menengah dan golongan intelektual yang juga tertindas di bawah sistem kapitalisme harus bergabung tenaga dengan kelas pekerja dalam pembinaan gerakan ini.

KAMI JUGA MENUNTUT:

- Hapuskan polisi 'buruh murah' atau penghambaan pekerja, dengan mewujudkan gaji minimum atau gaji saraan hidup (living wage) yang setimpal dengan kenaikan inflasi.
- Hak penubuhan kesatuan sekerja tanpa sebarang sekatan undang-undang oleh kerajaan atau campurtangan majikan.
- Hak Pendidikan yang percuma dan berkualiti untuk semua termasuk di Universiti dan Kolej; Memansuhkan yuran pengajian di Universiti dan Kolej dan menghapuskan hutang pelajar termasuk PTPTN.
- Tidak kepada parti-parti yang berlandaskan kapitalisme. Berkempen untuk pembinaan parti massa kelas pekerja dan anak muda untuk mempertahankan hak dan kepentingan rakyat biasa.
- Tidak kepada kemusnahan alam sekitar. Bagi pelan yang mampan berlandaskan kepada demokratik sosialisme untuk industri pengeluaran yang tidak akan memusnahkan planet ini.
- Tidak kepada kapitalisme. Bagi dunia sosialis, di mana monopoli besar dijadikan pemilikan awam, dengan ekonomi yang dirancang secara demokratik dan sumber-sumber alam dipergunakan untuk memenuhi keperluan manusia sejagat.

